

**KEDINAMIKAN CITRA MASYARAKAT DALAM  
NOVEL-NOVEL REMAJA TERPILIH: SATU  
PENELITIAN PENDEKATAN KEMASYARAKATAN**

**MUHAMMAD IZZAT FARHAN MOHAMAD ASRI**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

KELANTAN

2021



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KEDINAMIKAN CITRA MASYARAKAT DALAM  
NOVEL-NOVEL REMAJA TERPILIH: SATU  
PENELITIAN PENDEKATAN KEMASYARAKATAN**

**MUHAMMAD IZZAT FARHAN MOHAMAD ASRI**

**LAPORAN YANG DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI  
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN  
WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

## PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh \_\_\_\_\_ sehingga \_\_\_\_\_

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

  
\_\_\_\_\_  
TANDATANGAN

970703-03-5259  
NO. KAD PENGENALAN  
Tarikh: 30.01.2021

  
\_\_\_\_\_  
TANDATANGAN PENYELIA

DR. MOHD FIRDAUS CHE YAACOB  
NAMA PENYELIA  
Tarikh: 30.01.2021

## PENGHARGAAN

“Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang” Segala puji dan syukur kepada Illahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Pertamanya, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana atas segala rahmat-Nya dan izin-Nya, penyelidikan dan penulisan ini dapat diselesaikan. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan buat penyelia saya, Dr. Mohd Firdaus Che Yaacob atas bimbingan, teguran dan nasihat secara ikhlas serta sokongan moral sepanjang saya menyelesaikan penyelidikan ini. Semoga segala budi dan jasa baik yang disumbangkan oleh beliau akan mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Saya juga ingin merakamkan rasa penghargaan buat kedua-dua ibu bapa, Mie dan keluarga tercinta kerana memberikan semangat dan sokongan yang berterusan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ribuan terima kasih kepada pembantu penyelidik dan rakan-rakan taulan yang menghulurkan bantuan dan pertolongan ketika saya memerlukannya.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada pihak perpustakaan dari Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awam Kelantan dan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur yang telah banyak memberikan kerjasama dan menyalurkan bahan-bahan kajian bagi menyiapkan projek penyelidikan ini. Akhir kata, semoga dunia sastera terus maju. Segala yang buruk daripada kelemahan saya sendiri dan segala yang baik datangnya daripada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri  
Kampung Tempoyak,  
16070 Bekelam,  
Bachok Kelantan  
E-mel: [izzatfarhan880@gmail.com](mailto:izzatfarhan880@gmail.com)

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	x
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian	7
1.4 Objektif Kajian	8
1.5 Batasan Kajian	9
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Definisi Operasional	14
1.7.1 Kedinamikan	14
1.7.2 Citra	15
1.7.3 Masyarakat	15
1.7.4 Novel	15

1.7.5 Remaja	16
1.8 Organisasi Kajian	17
1.9 Penutup	19
<b>BAB 2: SOROTAN KAJIAN</b>	
2.1 Pengenalan	20
2.2 Pengkajian Terhadap Novel-novel Remaja di Malaysia	21
2.3 Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-Karya Sastera	31
2.4 Penutup	40
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.1 Pengenalan	41
3.2 Metodologi Kajian	43
3.2.1 Reka Bentuk Kajian	44
3.2.2 Kaedah Kajian	45
3.2.2.1 Kepustakaan	45
3.2.2.2 Teks	45
3.3 Pendekatan Teori	
3.3.1 Latar Belakang Teori Pengkaedahan Melayu	47

3.3.2 Teori Pengkaedahan Melayu	48
3.3.3 Pendekatan Kemasyarakatan	51
3.3.4 Kepentingan Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Kemasyarakatan Dalam Kajian Sastera	52
3.3.5 Rasional Aplikasi Pendekatan Kemasyarakatan Dalam Kajian	53
3.4 Penutup	56
 BAB 4: DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1 Pengenalan	57
4.2 Kedinamikan Citra Masyarakat	59
4.2.1 Citra Masyarakat Kasih Sayang	60
4.2.2 Citra Masyarakat Sabar	65
4.2.3 Citra Masyarakat Prihatin	70
4.2.4 Citra Masyarakat Pembersih	74
4.2.5 Citra Masyarakat Berani	78
4.2.6 Citra Masyarakat Beradab	81
4.2.7 Citra Masyarakat Bersyukur	86
4.2.8 Citra Masyarakat Baik Hati	90
4.2.9 Citra Masyarakat Taat	94
4.2.10 Citra Masyarakat Bertanggungjawab	98
4.3 Penutup	103

BAB 5: KESIMPULAN	
5.1 Pengenalan	105
5.2 Rumusan	106
5.3 Implikasi Kajian	108
5.4 Cadangan	110
5.5 Penutup	112
Biodata Pengkaji	113
RUJUKAN	114





KEDINAMIKAN CITRA MASYARAKAT DALAM NOVEL-NOVEL REMAJA TERPILIH:  
SATU PENELITIAN PENDEKATAN KEMASYARAKATAN

ABSTRAK

Novel ialah cerita kesusasteraan yang ditulis seseorang penulis, merupakan karya fiksi yang panjang dan terdapat watak, plot, dan unsur-unsur fiksi yang lain. Manakala, novel remaja merupakan sebuah karya yang mampu memenuhi keinginan remaja yang tidak tercapai. Sastera remaja yang berkualiti juga adalah sebuah karya yang mengungkapkan permasalahan remaja seperti krisis identiti bukannya hanya tertumpu pada soal cinta semata-mata. Kajian ini dijalankan kerana pengkaji mendapati bahawa novel-novel remaja terpilih seperti *Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia* dan *Melakar Sinar* ini kaya dengan kedinamikan citra masyarakat dan mampu memberi pengajaran dan pendidikan kepada generasi remaja khususnya. Seterusnya, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Di samping itu, pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dengan kedinamikan citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Seterusnya, kajian ini membataskan tiga buah novel remaja iaitu *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin diatas dasar novel-novel remaja, terbitan terkini iaitu pada tahun 2019 dan keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Tambahan lagi, pendekatan analisis kandungan kualitatif dipilih sebagai kerangka panduan untuk menyempurnakan kajian ini. Dalam kajian ini, penerapan Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 dipilih sebagai gagasan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian tersebut. Penelitian dan penghuraian terhadap beberapa aspek merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Dapatan kajian yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni di samping kaya dengan nilai kebudayaan Melayu yang selama ini menjadi gambaran dan prinsip hidup masyarakat Melayu seterusnya menjadi wadah untuk membentuk norma yang baik terhadap khalayaknya.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

THE DYNAMICS OF COMMUNITY IMAGERY IN SELECTED ADOLESCENT NOVELS: A  
STUDY OF SOCIETAL APPROACHES

ABSTRACT

The novel is a literary story written by a writer, is a long fiction work and contains characters, plots, and other elements of fiction. Whereas, the teen novel is a work that is capable of meeting the unfulfilled desires of teenagers. Quality teen literature is also a work that addresses adolescents' problems as their identity crisis focuses solely on love. The study was conducted because the researchers found that selected teen novels such as *Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia* and *Melakar Sinar* are rich in the sophistication of the community and are able to provide teaching and education to the younger generation in particular. Furthermore, the objectives of this study are to identify, analyze and summarize the dynamics of community imagery in selected adolescent novels. In addition, the application of theory to the dynamics Methodology Malay community image contained in the selected juvenile novels. Further, this study outlines three teen novels: Faizal Jailani's *Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia* by Adnie Bahiah and Sunita Sahidin's *Melakar Sinar* on the basis of teen novels, the latest issue of 2019 and the release of the Language and Literature (DBP). In addition, a qualitative content analysis approach was selected as the guiding framework for completing this study. In this study, the application of the Malay Methodological Theory inspired by Hashim Awang selected in 1989 as an idea to strengthen the analysis of the study. The research and elaboration on several aspects including Natural and Religious Studies were carried out as deductions in the study approach. The findings contained in the novels chosen is laden with adolescent moral values as well as with the Malay culture which has always been an idea and principles of the community living next to a container to form a good norm to the audience.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1 Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu	50
Rajah 2 Pendekatan Kemasyarakatan dalam Pengkaedahan Keagamaan	55



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## SENARAI SINGKATAN

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PhD	Doktor Falsafah
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
KBKPK	Kasih Bonda Kampung Paya Kami
NMSA	Naskah Melayu Syair Agung
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
HSKU	Hadiah Sastera Kumpulan Utusan
RMK9	Rancangan Malaysia Kesembilan
SPB4K	Sistem Pemikiran Bersepadu 4K



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# BAB 1

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Perkataan kesusasteraan berasal daripada perkataan sastera. Menurut *Kamus Dewan* (2007:1396), sastera ialah bahasa yang digunakan dalam bahan-bahan yang menggunakan perkataan formal. Hashim Awang (1987:4) menyatakan bahawa kesusasteraan menggunakan bahasa sebagai medium untuk menyampaikan sesuatu kepada khalayak pembaca. Keindahan sastera diterjemahkan menerusi penggunaan bahasanya.

Karya-karya sastera memperlihatkan cabang-cabang ilmu yang mencakupi pesanan, amanah serta pencambahan idea dan buah fikiran daripada para pengarang. Hasil karya daripada buah fikiran pengarang yang diterjemahkan dan dilontarkan dalam bentuk ilmiah mampu memberi manfaat kepada pembaca dan masyarakat amnya. Cerminan masyarakat yang diperlihatkan menerusi pelbagai bentuk dan ragam dalam kehidupan menjadi dasar dalam penghasilan sesebuah karya. Kesusasteraan lebih menjurus ke arah penggunaan kata-kata yang mudah untuk difahami dan mengandungi mesej yang memberi manfaat. Maka, sejarah perkembangan kesusasteraan memperlihatkan lahirnya karya yang menekankan aspirasi remaja. Pelaku atau gambaran remaja yang terkandung dalam novel remaja merupakan cerminan gambaran remaja dalam kehidupan sebenar. Tegasnya, karya remaja ini diciptakan bertujuan untuk memenuhi kehendak dan aspirasi kelompok remaja.

*Kamus Dewan* (2007:1086), mendefinisikan novel sebagai cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial. Menurut Ramli Isin (1989:5), dalam pengertian atau ukuran yang luas, novel adalah cerita rekaan berbentuk prosa. Ukuran yang luas bermaksud bahawa cerita-ceritanya mempunyai plot atau alur yang kompleks, watak yang ramai, tema dan persoalan yang pelbagai, suasana dan latar cerita yang beragam. Novel merupakan bentuk karya sastera yang paling popular di dunia. Novel dikategorikan sebagai prosa naratif yang sama seperti cerpen. Novel tidak terikat oleh sebarang bentuk struktur atau format seperti drama dan sajak. Sebuah novel ada kaitan erat dengan masyarakat dan yang dapat dikatakan sebagai dokumentasi sosial.

Seterusnya, maksud remaja berdasarkan *Kamus Dewan* (2007:1308) dapat diukur melalui perubahan fizikal, cara pemikiran dan kematangan dalam menentukan keputusan. Dalam aspek kebahasaan yang mudah, remaja adalah satu peringkat perkembangan manusia sama ada lelaki atau perempuan yang merupakan proses pemikiran pramatang ke matang. Seseorang remaja biasanya akan mempamerkan reaksi kurang menyenangkan sekiranya mereka dilayan seperti kanak-kanak, dan lebih bereaksi menyenangkan apabila kehadiran mereka diterima dan dihargai sebagai orang dewasa. Pada peringkat ini, golongan remaja dilihat mula menerima perkara-perkara yang abstrak dan tidak teragak-agak untuk menolak sesuatu yang pada pandangan mereka tidak benar mahu pun tidak logik. Menurut Mohd Salleh Lebar (1991: 55), golongan remaja akan berubah dari segi zahir, batin, perwatakan, perhubungan, tingkah laku dan tutur kata apabila mereka berada di fasa transisi dari kanak-kanak ke dewasa.

Novel remaja bersumberkan keperihalannya yang umum di dalam penghasilan karya serta bidang penerbitan, namun lebih mementingkan mengenai permasalahan remaja dan dijadikan pengajaran (Halis Azhan, 2014:35). Berdasarkan kepada pandangan sarjana iaitu Othman Puteh yang mentakrifkan sastera remaja sebagai wadah menambah ilmu, pembinaan akhlak dan pengukuhan pemikiran kepada golongan remaja. Bahan bacaan kreatif seperti novel remaja mampu meningkatkan pertumbuhan dan perkembangan psikologi remaja.

Oleh itu, berdasarkan konsep dan falsafah kesusasteraan remaja, yang pengkaji rujuk sebagai novel remaja, kajian ini akan membincangkan mengenai kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih dengan menggunakan pakai penelitian Pengkaedahan Keagamaan, iaitu Pendekatan Kemasyarakatan. Pengkaji telah menggunakan satu teori, iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini merupakan satu dasar, asas dan tunjang kepada ilmu pengetahuan yang berbentuk ilmiah. Teori Pengkaedahan Melayu dibahagikan kepada dua (2), iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaedahan Alamiah terbahagi kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan juga Pendekatan Firasat. Manakala, Pengkaedahan Keagamaan terbahagi kepada tiga (3) pendekatan, iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan juga Pendekatan Seni.

Tegasnya, kajian ini akan berkisar tentang kedinamikan citra masyarakat melalui Pendekatan Kemasyarakatan yang terkandung dalam tiga (3) buah novel remaja terpilih. Antara novel yang menjadi pilihan pengkaji adalah novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin, novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani.

## 1.2 Penyataan Masalah

Berdasarkan kepada kajian-kajian lepas, kajian mengenai citra masyarakat sudah banyak dikaji oleh ramai sarjana. Sebagai contoh kajian yang dihasilkan oleh Jumali Hj. Selamat (2001), Siti Khariah M. Zubir (2012), Noor Aida Mahnor (2015), Wan Norlidza Wan Mohd Zain (2015), Marzalina Mansor, Maizatul Azura Haji Yahya & Ainal Akmar Haji Ahmad (2015), Nursham Abdul Aziz (2015), Nor Hafidah Ibrahim & Hasmawati Hassan (2016), Azimin Daud (2017) dan ramai lagi. Namun, kajian ini dijalankan kerana melalui pengamatan pengkaji, unsur kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih masih belum dijadikan isu penyelidikan. Hal ini mungkin kerana novel-novel remaja yang terpilih adalah keluaran baharu dan masih belum diterokai oleh para sarjana.

Novel-novel remaja yang telah dipilih oleh pengkaji adalah *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Novel-novel yang tersenarai merupakan cetakan tahun 2019 dan merupakan novel terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Novel-novel yang dipilih pengkaji sarat dengan citra masyarakat dan kaya dengan nilai kemanusiaan yang dapat dijadikan pengajaran dan panduan kepada masyarakat amnya dan golongan sasaran, iaitu remaja khususnya. Oleh hal yang demikian, pengkaji telah mengambil inisiatif dengan meneruskan pembacaan dan mengamati keseluruhan jalan cerita yang terkandung di dalam novel-novel yang terpilih. Pengkaji menggunakan segala ilmu yang ada bagi mentafsir unsur citra masyarakat yang terkandung dalam novel pilihan ini yang kemudiannya akan diperjelaskan dalam analisis dapatan kajian secara terperinci.



Umum mengetahui, bahan sastera adalah bahan seni yang dihasilkan dengan laras dan gaya bahasa yang terancang dan indah. Bahan-bahan ini mampu memberi kefahaman kepada masyarakat melalui tarikan bahan bacaan menarik, pembentukan minda serta mampu memupuk nilai. Hal ini dikatakan demikian kerana penerapan idea, mesej dan nilai dalam satu-satu karya sastera dilakukan dengan penuh ketelitian. Selain bertujuan menerapkan idea, mesej dan nilai, bahan sastera juga pastinya dapat digunakan sebagai medium untuk membincangan permasalahan dan mengkritik sesuatu perkara. Secara tidak langsung dapat meningkatkan penghayatan terhadap bahan sastera itu sendiri.

Walau bagaimanapun, berdasarkan sorotan kajian yang terdahulu, terdapat sebilangan pengkaji yang berminat untuk mengkaji tentang unsur citra masyarakat dalam karya sastera. Namun sehingga kini, pengkaji tidak menjumpai kajian seumpamanya dilakukan kepada novel-novel remaja terpilih ini. Oleh itu, pengkaji telah memutuskan untuk mengenal pasti, mengkaji, menganalisis serta merumus dan mengupas tentang kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Kajian pengkaji tentang unsur kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel terpilih ini adalah sangat penting bagi menjadi titik mula dalam menarik minat pembaca atau pengkaji-pengkaji lain untuk mengetahui keunikan dan kehebatan bahasa serta nilai-nilai yang ingin diketengahkan oleh pengarang-pengarang novel remaja. Sebagai pemudahcara, pengkaji telah memilih pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu sebagai asas dan menjadi panduan bagi melaksanakan kajian. Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan ini diharap mampu membuktikan bahawa kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih dapat dikaitkan dengan pengkaedahan keagamaan dan pendekatan kemasyarakatan.

Citra bermaksud gambaran atau imej peribadi seseorang menurut *Kamus Dewan* (2007:283). Manakala, masyarakat pula merujuk kepada sekelompok individu yang hidup bersama dibawah satu aturan kemasyarakatan, pergaulan hidup, dan meliputi kehidupan bermasyarakat (*Kamus Dewan*, 2007:1004). Kelompok manusia ini dalam menyantuni ketamadunan mereka bersama pastinya mempunyai barisan kepimpinan dan kepatuhan kepada etika, peraturan, prinsip atau norma-norma kehidupan tertentu. Di sinilah, wujudnya unsur kedinamikan dalam citra masyarakat tersebut. Kedinamikan adalah berasal dari kata dasar dinamik (*Kamus Dewan*, 2007: 352) yang membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Oleh itu, kedinamikan adalah keadaan atau sifat dinamik.

Secara keseluruhannya, kedinamikan citra masyarakat sememangnya penting dalam sesuatu masyarakat. Hal ini demikian kerana kedinamikan citra masyarakat merupakan kayu ukur kepada keharmonian sesuatu masyarakat dan lazimnya masyarakat yang harmoni mendorong ke arah kejayaan dan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara. Hal ini demikian kerana kedinamikan citra masyarakat akan memperlihatkan nilai dan cara sesebuah masyarakat tersebut berinteraksi dengan betul dalam kelompok mereka. Nilai-nilai ini yang diharapkan dapat dipelajari dan diwarisi oleh generasi muda dalam sesebuah masyarakat.

### 1.3 Persoalan Kajian

Kajian ini mengetengahkan beberapa persoalan kajian. Antara persoalan kajian ialah

- 1.3.1 Apakah kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih?
- 1.3.2 Bagaimanakah citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih?
- 1.3.3 Sejauh manakah citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih?

#### 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis novel-novel remaja terpilih dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan untuk mencungkil kedinamikan citra masyarakat yang terkandung di dalam novel-novel remaja terpilih. Bagi mencapai matlamat tersebut, kajian ini berfokuskan tiga objektif berikut:

- 1.4.1 Mengenal pasti kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih.
- 1.4.2 Menganalisis kedinamikan citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih.
- 1.4.3 Merumuskan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih.

## 1.5 Batasan Kajian

Kajian ini akan bertitik tolak kepada aspek kedinamikan citra masyarakat hasil pengaplikasian Pendekatan Kemasyarakatan dalam novel-novel remaja terpilih. Tegasnya, terdapat dua (2) elemen penting dalam kajian ini. Pertama, novel-novel remaja terpilih, yang menjadi teks kajian bagi merungkai unsur-unsur citra masyarakat di dalamnya. Kedua, aplikasi pendekatan kemasyarakatan yang terkandung dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang digunakan oleh pengkarya novel-novel remaja pilihan sebagai medium untuk menyampaikan mesej kepada pembaca.

Sebagaimana yang telah ditegaskan lebih awal oleh pengkaji, salah satu elemen penting yang mendasari kajian ini adalah penelitian terhadap novel-novel remaja. Novel-novel remaja pilihan pengkaji yang digunakan sebagai bahan kajian ini terdiri daripada novel-novel remaja tempatan. Pengkaji telah menetapkan empat (4) kriteria pemilihan bahan kajian. Pertama, novel-novel yang dikategorikan sebagai novel remaja. Kedua, novel-novel remaja yang mengetengahkan watak-watak remaja, mengandungi nilai-nilai baik, murni atau moral yang boleh diteladani, dan kaya dengan citra masyarakat tempatan. Elemen ketiga pula ialah novel-novel remaja terpilih mestilah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sahaja. Akhir sekali, novel-novel remaja terpilih adalah hasil nukilan dan terbitan terkini, iaitu tahun 2019.

Novel-novel remaja yang menjadi pilihan pengkaji adalah novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin, novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani. Novel-novel yang dipilih dapat merungkai kedinamikan citra masyarakat dengan mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana novel-novel yang dipilih

menjanjikan sesuatu yang berbeza dan menarik untuk dirungkaikan. Kritikan terhadap novel-novel ini hanya berkisar tentang citra masyarakat. Citra masyarakat adalah gambaran masyarakat seperti nilai, budaya dan adat resam. Citra masyarakat dalam karya ini dapat dilihat melalui tindakan watak-watak, amalan yang dilakukan, pertuturan atau dialog watak, dan juga melalui pemerian penulis.

Novel pertama, adalah novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani yang telah diterbitkan pada tahun 2019, cetakan pertama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Novel *Atukku Pejuang* mengandungi 310 halaman dan 18 bab. Novel *Atukku Pejuang* merupakan sebuah novel yang sarat dengan kedinamikan citra masyarakat. Ringkasan yang terdapat dalam novel *Atukku Pejuang* berkisahkan tentang watak Alias yang telah berpisah lamanya dengan datuknya akibat perselisihan faham. Alias bertekad untuk mencari datuknya kerana berasakan dirinya terabai oleh keluarganya. Alias iri hati kerana keluarganya lebih menumpukan perhatian kepada adiknya. Tujuan Alias juga untuk mendapatkan maklumat tentang sejarah kemerdekaan tanah air. Dalam usaha mencari datuknya, Alias telah diragut sehingga koma. Ketika dalam keadaan koma, Alias mendapati dirinya berada di Johor dan menemui datuknya yang sebaya dengannya. Ketika ini, Alias berada dalam zaman perjuangan anak-anak Melayu Johor yang berjuang menuntut kemerdekaan daripada British. Oleh itu, pengkaji ingin menyelami dengan lebih mendalam bagi merungkai kedinamikan citra masyarakat yang terkandung di dalam novel *Atukku Pejuang*.

Novel remaja yang menjadi pilihan pengkaji seterusnya adalah novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah yang telah diterbitkan pada tahun 2019. Novel ini adalah cetakan pertama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Novel ini mengandungi 111 halaman. Novel *Bening Mata Seorang Dia* berkisahkan tentang watak

Azie Raihana yang kehilangan ibunya yang tercinta. Kesedihan dan kesunyian menyebabkan Azie sering bersendirian. Namun, kehadiran cikgu Fazlee Berjaya menceriakan sekeping hati yang selama ini dalam kedukaan. Sebening matanya, puisinya turut berjaya memberikan sinar harapan untuk Azie menempuh kehidupan remajanya. Berbekalkan keazaman dan minat yang tinggi, Azie berjaya meraih kecemerlangan. Oleh itu, pengkaji ingin menyelami dengan lebih mendalam bagi merungkai kedinamikan citra masyarakat yang terkandung di dalam novel *Bening Mata Seorang Dia*.

Novel remaja ketiga yang menjadi bahan kajian ini adalah novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Novel ini juga memenuhi empat criteria pemilihan teks yang telah ditetapkan oleh pengkaji. *Melakar Sinar* mengandungi 182 halaman dan 15 bab. Ringkasan novel ini mengisahkan tentang Arey yang mendapat surat tawaran dari Kolej Sains Kesihatan Bersekutu namun namun keluarganya tidak mampu untuk mengeluarkan wang untuk Arey. Peristiwa Arey terjumpa bungkusan plastik yang mengandungi wang tunai sebanyak RM5000 pada masa dia benar-benar memerlukan wang untuk mendaftar masuk ke Kolej Sains Kesihatan Bersekutu telah mendatangkan konflik dalam dirinya. Namun dipenghujungnya kemanisan juga yang dikecapi oleh Arey dan ibunya kerana hati budinya yang baik. Oleh itu, pengkaji ingin menyelami dengan lebih mendalam kedinamikan citra masyarakat dalam teks *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin.

Selain pemilihan novel-novel remaja, pengkaji juga telah menetapkan pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dengan menjadikan Pendekatan Kemasyarakatan yang terdapat pada Pengkaedahan Keagamaan sebagai teras bagi membincangkan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Teori ini menegaskan bahawa semua aspek kehidupan manusia, iaitu cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat melayu yang

melahirkan sesuatu karya itu. Alam adalah unsur penting dalam mencorakkan sebahagian besar kehidupan manusia. Alam turut menjadi faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia. Alam memberikan ruang dan peluang kepada manusia meneroka pekerjaan atau mendapatkan mata pencarian (pendapatan), pengalaman, pengajaran dan kebajikan. Semua unsur ini tidak dinafikan, memiliki fungsi dan kemanfaatan yang khusus dalam kehidupan masyarakat. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa teori ini amat bermakna, bersesuaian dan mampu menganalisis citra masyarakat yang terkandung dalam novel-novel remaja pilihan pengkaji.



## 1.6 Kepentingan Kajian

Berdasarkan pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh para sarjana sastera tentang novel remaja yang telah dibincangkan oleh pengkaji dalam sub topik terdahulu dalam kajian ini, pengkaji merumuskan bahawa novel remaja berperanan penting sebagai pencerna minda remaja dan mampu mendidik remaja dalam aspek kemanusiaan dan kemasyarakatan. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat mengetengahkan satu lagi aspek penting yang terdapat dalam novel-novel remaja itu, iaitu kedinamikan citra masyarakat melalui Pendekatan Kemasyarakatan. Kajian ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada masyarakat amnya mengenai kedinamikan citra masyarakat yang terkandung dalam novel-novel remaja terpilih dan seterusnya memenuhi keperluan dan kehendak remaja dalam mencapai matlamat realiti kehidupan mereka.

Selain itu, kajian ini juga diharap dapat menarik minat para pengkaji atau para sarjana sastera untuk membuat penelitian terhadap sastera remaja dengan mengaplikasikan pelbagai teori sastera ataupun teori di luar bidang sastera. Hal ini demikian kerana sebelum ini pengkaji mendapati kebanyakan kajian novel lebih fokus kepada aspek tema, plot, latar tempat, dan nilai-nilai murni dalam novel-novel genre lain yang telah tersohor. Dan pastinya bukan novel remaja. Realitinya, kajian terhadap novel-novel remaja masih terbatas dalam kalangan pengkaji.

Seterusnya, adalah menjadi harapan pengkaji agar kajian ini dapat menambahkan lagi jumlah kajian sastera yang memartabatkan novel remaja sebagai bahan kajian utama. Diharapkan juga agar kajian ini dapat memenuhi aspek kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih di samping memenuhi fungsi novel-novel remaja sebagai medium ilmu dari aspek keperluan dan kehendak golongan remaja.

## 1.7 Definisi Operasional

Bagi menjamin kelancaran dan keesahan kajian, pengkaji telah menghimpunkan beberapa istilah atau konsep yang menjadi nadi kepada kajian ini sebagaimana yang digambarkan pada tajuk kajian untuk diperjelaskan dalam bahagian definisi operasional. Kajian yang lengkap dan relevan memerlukan kefahaman yang jitu bagi setiap istilah yang dikemukakan dalam sesebuah kajian. Hal ini bagi memastikan setiap yang dibincangkan dan dihuraikan bagi menjelaskan dapatan kajian kemudiannya adalah jelas mempunyai kesinambungan dan berakhir dengan penemuan yang utuh. Jargon atau definisi yang akan dikemukakan adalah berpandukan kepada tajuk kajian, iaitu pada istilah-istilah seperti kedinamikan, citra, masyarakat, novel, dan remaja.

### 1.7.1 Kedinamikan

Kedinamikan adalah berasal dari kata dasar dinamik, (*Kamus Dewan*, 2007: 352) yang membawa maksud bertenaga dan berkekuatan serta mampu membuat penyesuaian serta menerbitkan pembaharuan dan kemajuan. Imbuhan Apitan “Ke...an” mempunyai makna keadaan atau sifat. Oleh itu, kedinamikan adalah keadaan atau sifat dinamik.

Halis Azhan (2014:29) dalam kajian *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja Di Malaysia* turut menggunakan pelbagai kamus untuk mendefinisikan istilah Dinamika, selain *Kamus Dewan*. Pelbagai takrifan yang diberikan oleh pelbagai kamus yang digunakan oleh beliau juga menggambarkan bahawa dinamika adalah situasi yang membawa kepada perubahan yang berterusan ke arah yang lebih bertenaga dengan pencambahan pelbagai idea atau aktiviti baharu dalam ruang masa.

Dalam kajian ini, istilah kedinamikan yang digunakan adalah untuk menggambarkan citra masyarakat yang digarapkan oleh penulis novel-novel remaja tempatan di Malaysia mengalami pembaharuan dan kemajuan seiring dengan zaman di mana kumpulan sasaran, iaitu remaja itu berada. Hal ini bagi membolehkan gambaran citra masyarakat daripada penulis novel remaja kini dapat difahami oleh golongan remaja pada masa ini.

#### 1.7.2 Citra

Citra bermaksud gambaran atau imej peribadi seseorang (*Kamus Dewan*, 2007:283). Kajian ini menunjukkan gambaran keadaan masyarakat dalam cerita merangkumi bangsa atau etnik, status dan kehidupan sosial, ekonomi, dan sebagainya yang bersesuaian dengan watak.

#### 1.7.3 Masyarakat

Masyarakat membawa maksud satu kelompok sosial di mana ahli-ahlinya duduk di satu kawasan tertentu dan hidup bersama untuk kepentingan bersama. Kelompok ini mempunyai pemimpin, peraturan-peraturan dan norma-norma tertentu. Kajian ini menerangkan latar masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih.

#### 1.7.4 Novel

Novel ialah prosa cereka yang panjang, yang menceritakan kisah hidup manusia pada suatu tempat dan dalam suatu masa tertentu untuk memaparkan satu-satu persoalan kehidupan yang menarik. Istilah novel berasal dari bahasa Itali iaitu *nouvelle*. Novel merupakan cerita yang direka dalam bentuk prosa (Ramli Isin, 1989:5). Ukuran yang luas bermaksud bahawa cerita ceritanya mempunyai plot atau alur yang kompleks,

watak yang ramai, tema dan persoalan yang pelbagai, suasana dan latar cerita yang beragam.

#### 1.7.5 Remaja

Istilah remaja berdasarkan *Kamus Dewan* (2007:1308) dapat diukur melalui perubahan fizikal, cara pemikiran dan kematangan dalam menentukan keputusan. Dalam aspek kebahasaan yang mudah, remaja adalah satu peringkat perkembangan manusia sama ada lelaki atau perempuan yang berlaku semasa proses peralihan umur untuk mencapai tahap kematangan. Seseorang remaja biasanya akan mempamerkan reaksi kurang menyenangkan sekiranya mereka dilayan seperti kanak-kanak, dan lebih bereaksi menyenangkan apabila kehadiran mereka diterima dan dihargai sebagai orang dewasa. Pada peringkat ini, golongan remaja dilihat mula boleh menerima perkara-perkara yang abstrak dan tidak teragak-agak untuk menolok sesuatu yang pada pandangan mereka tidak benar mahu pun tidak logik.

## 1.8 Organisasi Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini terdiri daripada lima bab. Susunan dan pembahagian bab dilakukan mengikut tertib bagi melicinkan proses penyelidikan dan pelaporan kajian. Sebagaimana yang telah dikemukakan, bab satu membincangkan tentang Pengenalan, Penyataan Masalah, Persoalan Kajian, Objektif Kajian, Batasan Kajian, Kepentingan Kajian, Metodologi Kajian, dan Organisasi Kajian (pembahagian bab). Dalam bab ini, pengkaji telah memberikan definisi operasi kepada frasa-frasa yang membentuk tajuk kajian dan menyatakan dengan jelas batasan kajian. Penekanan kepada pemahaman takrifan novel, remaja, novel remaja, kedinamikan, dan citra masyarakat diberikan kerana istilah-istilah tersebut akan diguna pakai sepanjang kajian ini.

Seterusnya, bab dua mengandungi Pengenalan, Pengkajian Terhadap Novel-novel Remaja di Malaysia, Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-Karya Sastera, dan Penutup. Bab ini penting bagi menerangkan serta menjelaskan pendekatan yang diguna pakai dalam menganalisis novel-novel remaja yang menjadi bahan kajian. Kajian-kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh para pengkaji terdahulu berfungsi sebagai panduan pelaksanaan kajian ini.

Seterusnya, dalam bab tiga pengkaji mendefinisikan teori dan pendekatan yang menjadi pilihan pengkaji. Pengkaji merumuskan teori yang dipilih, iaitu Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Hal ini bagi menyimpulkan kefahaman terhadap kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih berdasarkan pendekatan kemasyarakatan.

Seterusnya, bab empat akan menganalisis unsur-unsur citra masyarakat dalam teks pilihan berdasarkan Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji akan menganalisis satu per satu citra masyarakat yang terkandung dalam novel remaja yang diguna pakai dalam penghasilan kajian ini. Antaranya adalah novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Perbincangan dalam bab ini diharap dapat memberikan penjelasan yang jelas berkaitan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja pilihan.

Akhir sekali, bab lima akan tertumpu kepada perbincangan untuk merumus dan menyimpulkan kajian yang telah dijalankan. Perbincangan akan mencakupi hubungan kait usaha pengkaji untuk mencapai tiga objektif kajian. Kajian ini menyasarkan kepada kefahaman masyarakat dan paling penting kefahaman golongan remaja tentang kepentingan kedinamikan citra masyarakat dalam novel remaja dalam membentuk pribadi remaja terpuji dalam kehidupan sebenar.

## 1.9 Penutup

Sebagai rumusan, dapat dikatakan bahawa novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin merupakan antara novel-novel remaja terpilih yang kaya dengan kedinamikan citra masyarakat. Pengarang lebih menitikberatkan mengenai perlakuan budi bahasa, budi pekerti dan budaya untuk saling menghormati antara satu sama lain. Melalui pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian novel, ia dapat mengukuhkan lagi unsur-unsur citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam novel-novel remaja terpilih. Novel *Melakar Sinar* banyak mengandungi contoh keperibadian yang suci lagi murni seperti mendengar nasihat dari orang yang lebih tua dan menjadi masyarakat yang menyayangi alam sekitar. Selain memberi contoh yang baik, *Atukku Pejuang* dapat memperlihatkan ikatan silaturahmi yang utuh dalam institusi kekeluargaan.

Berdasarkan kajian yang telah dikenalpasti, dianalisis dan dirumuskan oleh pengkaji ini jelas menunjukkan bahawa citra masyarakat dalam karya sastera amat penting dalam mempengaruhi para pembaca. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengetengahkan tentang citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih iaitu novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin.

## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan pernyataan atau fakta yang telah dikemukakan dan digunakan untuk menyokong sesuatu objektif dan membuktikan bahawa teori yang digunakan adalah teori yang betul dan bukanlah sekadar rekaan. Di dalam sorotan kajian ini pengkaji akan mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian, iaitu Kedinamikan Citra Masyarakat dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan. Di dalam bab ini, pengkaji akan membataskan perbincangan kepada dua subtopik utama, iaitu pengkajian terhadap novel-novel remaja di Malaysia dan pengkajian terhadap pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam karya-karya sastera. Dengan menyoroti kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh para pengkaji atau sarjana sastera ternama ini, iaitu kajian-kajian yang telah terbukti ada nilai ilmu yang tinggi, pengkaji yakin dapat melaksanakan kajian ini dengan jayanya. Penelitian dan pemahaman dapatan kajian daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan tajuk kajian, pengkaji yakin ianya dapat membantu pengkaji memantapkan lagi kajian ini.



## 2.2 Pengkajian Terhadap Novel-novel Remaja di Malaysia

Jumali Hj. Selamat (2001) dalam kajiannya yang bertajuk *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-Novel Remaja* merumuskan tentang cerminan sosial dan penerapan nilai murni di dalam novel-novel remaja. Objektif kajian untuk melihat gaya pemikiran sastera sebagai cerminan sosial dan kaitannya dengan kelompok di luarnya. Seterusnya, penelitian tertumpu kepada penganalisisan nilai-nilai murni yang memaparkan sifat-sifat terpuji, berbudi pekerti, bersopan santun, dan berakhlak mulia yang mampu melahirkan generasi berilmu dan bertakwa. Pada konsep dan peranan sastera remaja jelaslah mampu memberi tumpuan terhadap pengertian remaja dalam konteks Malaysia, konsep dan sejarah ringkas sastera remaja. Peranan sastera remaja mampu memberikan hiburan dan pengajaran dalam membentuk semangat kewarganegaraan dalam golongan remaja. Seterusnya meningkatkan keinginan membaca, menerapkan disiplin dan pemikiran yang matang.

Seterusnya, penelitian dilakukan pada kajian yang dilakukan oleh Halis Azhan Mohd.Hanafiah (2002) dalam *Novel-Novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Hasil karya Zailani Taslim dalam genre remaja memberi kesan yang cukup besar dalam masyarakat. Teks yang digunakan dalam kajian ini seperti *Jambatan Kasih, Dari Padang Hijau, Semesra Kota Ku, Ladang, Keringal Dan Cinta, Meredah Onak dan Hempasan Ombak*. Novel remaja merupakan penyumbang terhadap perkembangan diri golongan remaja. Matlamat kajian untuk menilai kehendak remaja untuk diadaptasi dalam kehidupan sebenar golongan remaja. Kajian ini mendapati bahawa watak-watak memperlihatkan nilai murni dalam kehidupan mereka dan mampu dijadikan contoh dalam masyarakat.

Sorotan seterusnya adalah pada kajian Mohd Azhar Su (2005) yang bertajuk *Gaya Bahasa dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip*. Antara teks yang digunakan bagi menguatkan kajian ini seperti *Guruku Ibuku Jua*, *Bukan Untukku*, *Songket Berbenang Emas*, *Sayangnya Jauh Di Kota*, *Jalan Masih Berliku* dan *Teguh*. Tujuan kajian ini untuk menyentuh gaya bahasa dalam menganalisis pendekatan yang terkandung dalam kajian berkaitan. Novel remaja karya Khairuddin Ayip sememangnya mengandungi keindahan gaya bahasa, nilai intelek dan nilai etika. Khairuddin Ayip sedaya upaya menekankan aspek gaya bahasa untuk diolah dan dijalinkan bagi menggambarkan jiwa, perasaan, suasana atau latar dalam penggunaan bahasa asing, kata pinjaman, dialek, bombastik dan apostrophe, bahasa perulangan, perbandingan dan pertentangan dalam penghasilan novel remaja tersebut. Keseluruhannya, novelis berjaya menggunakan gaya bahasa yang baik dan cermat dalam penyampaian ke arah pemikiran dan gagasan penyatuan kalangan remaja.

Kajian Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya (2010) bertajuk *Analisis Teks Cucu Tuk Wali Menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan*. Kajian ini menekankan aspek-aspek kehidupan sosial dan budaya dalam kehidupan remaja, lingkungan dan alam persekitarannya. Penelitian mengenai teks *Cucu Tuk Wali* yang dianalisis menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. Teks ini mengisahkan perjalanan hidup seorang remaja wanita yang diberikan watak Liza. Liza membawa tanggungjawab sebagai pembangun masyarakat desa yang memiliki sifat dedikasi, cekal dan gigih dalam mengharungi kehidupan yang serba mencabar. Persoalan hidup masyarakat yang dihujani segala macam pergolakan ditambah dengan unsur percintaan, keagamaan, budaya dan nilai-nilai murni menjadikan novel ini mempunyai tarikan untuk dibaca. Liza berupaya menerapkan usaha yang gigih untuk mencapai sesuatu kejayaan dan meneruskan kehidupan seharian dalam masyarakat. Pendekatan ini melihat sastera sebagai alat pendedahan kepada

segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan dan kesejahteraan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam.

Seterusnya adalah kajian daripada Siti Khariah M. Zubir (2012), *Analisis Citra Usahawan Wanita dalam Novel-Novel Melayu*. Kajian ini menganalisis kehidupan dan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan. Kajian ini bertunjangkan kepada empat buah novel, novel *Jaringan* (Rosmini, 1990), *Menuju ke Puncak* (Zahara, 1987), *Ke mana Kasih Hendak Di Bawa* (Khadijah, 1993) dan *Merpatih Putih Terbang Lagi* (Khadijah, 1974). Pendekatan Feminisme dan Pendekatan Moral Islam digunakan di dalam kajian ini. Wanita memikul tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu kepada anak-anak seterusnya mampu mencari peluang untuk memasuki bidang perniagaan. Usahawan kaum wanita yang ingin mencipta peluang di dalam bidang perniagaan seharusnya lebih peka akan perkembangan ekonomi semasa. Kebolehan dan keupayaan diri menjadi tonggak utama dalam kemajuan diri supaya mampu berdiri gah sebaris dengan kaum lelaki.

Mohd. Zariat Abdul Rani (2013) pula menjalankan kajian yang bertajuk *Materialisme, Islami dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd.* Berdasarkan Persuratan Baru. Kajian ini mengenai novel-novel Islami yang dianggap menepati citarasa dan menjadi pilihan pengguna masa ini dan dikomersialkan pada nilai yang tinggi. Mutu novel-novel Islami menjadikan tarikan kepada semua golongan pembaca. Kemunculan novel picisan berjaya menarik perhatian pembaca dengan menyajikan novel-novel erotik dan porno. Kajian ini menganalisis tiga dapatan penting yang menjadi fokus perbincangan ini. Pertama, mengenalpasti jalan cerita sebagai isian yang menjadi keutamaan dalam kedua-dua teks ini. Kedua, untuk mengenal pasti kedudukan Islam dalam teks-teks yang dikaji. Ketiga, merumuskan mutu

serta nilai kesasteraan dalam teks-teks yang dikaji. Persuratan Baru adalah gagasan yang berteraskan Islam dan merupakan tunjang kepada kajian ini.

Halis Azhan Mohd.Hanafiah (2014) dalam kajian *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia*. Kajian ini meneliti dinamika tema dalam novel remaja di Malaysia, bermula dari tahun 1950an hingga tahun 2000an. Kajian ini dijalankan hasil peristiwa yang terjadi dalam masyarakat sekaligus membawa pemahaman tema dalam novel remaja. Sebagai contoh adalah pengaruh pendidikan yang kian berkembang sejajar dengan perkembangan dunia. Kajian ini keseluruhannya bertumpukan kepada 30 buah novel remaja Malaysia, tetapi hanya 5 buah yang dipilih mewakili setiap dekad. Kajian ini telah membuka mata pihak yang beranggapan bahawa novel remaja sebagai novel yang tidak memberikan manfaat kepada khalayak pembaca.

Nur Farakhanna Mohd Rusli (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Konflik Kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain* merumuskan mengenai watak Maniam yang mengalami konflik jiwa dalam teks *Interlok* karya Abdullah Hussain (1969). Konflik yang seharusnya ditempuhi Maniam dalam mengecapi keharmonian dalam kehidupan dijadikan sampel kajian. Teknik kepustakaan digunakan bagi mengumpul maklumat kajian dengan mengumpulkan sumber-sumber bertulis berkaitan permasalahan jiwa oleh watak-watak dalam karya. Psikoanalisis Sigmund Freud, Humanistik Abraham Maslow dan Psikologi Islam diterapkan dalam mengkaji aspek kejiwaan. Watak Maniam yang mengalami konflik jiwa mendapat rangsangan luaran dalam pembentukan identiti yang sejati.

Selain itu, pengkaji meneliti pula kajian Wan Norlidza Wan Mohd Zain & Hashim Ismail (2015). Dalam kajian yang bertajuk *Komponen Kesedaran Peribadi Dalam Novel Remaja Terpilih*. Kajian ini bertujuan membentuk sahsiah remaja dalam novel-novel remaja terpilih dengan merumuskan kecekapan dalam menangani emosi dalam komponen kesedaran peribadi. Antara teks yang digunakan ialah novel *Trilogi Cinta* karya Siti Jamina Ibrahim (2002), *Impuls/Roh* karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2010), dan *Warisnya Kalbu* karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2008). Terdapat tiga ciri dalam mengenal emosi di dalam Komponen Kesedaran Peribadi iaitu mengenalpasti emosi sendiri, mengurus emosi, dan motivasi sendiri. Teori Kecerdasan Emosi oleh Mayer Curaso dan Salovey dan Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman dijadikan tunjang dalam penghasilan kajian ini. Analisis kajian ini untuk menilai keupayaan remaja dalam menghadapi emosi yang dialami sekaligus memberi kesan terhadap hubungan interpersonal remaja dengan masyarakat sekeliling dalam pembentukan kehidupan yang bahagia. Dapatan kajian ini memperolehi keputusan kecerdasan emosi dalam kalangan remaja berada pada tahap yang terbaik dan membanggakan. Hal ini kerana golongan remaja sememangnya mahir dalam menguruskan emosi dan perhubungan yang erat dengan masyarakat sekeliling.

Seterusnya, pengkaji meneliti kajian Nursham Abdul Aziz (2015). Dalam kajiannya yang bertajuk *Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Novelis menggunakan tiga buah novel terpilih hasil karya Azizi Hj Abdullah menggunakan Teori Intertekstualiti. Antara novel yang dipilih untuk dijadikan kajian ialah *Seorang Tua di Kaki Bukit* (1982), *Memoir Seorang Guru* (2007) dan *Beruk* (2010). Teori Intertekstualiti iaitu prinsip transformasi, prinsip modifikasi dan prinsip ekspansi merupakan tunjang utama dalam analisis kajian. Hipoteks merupakan rujukan bagi Azizi Hj Abdullah menulis dalam proses kerja pemindahan atau penambahan episod bagi mengukuhkan lagi makna

hipoteks. Jelaslah bahawa pengaplikasian prinsip-prinsip teori intertekstualiti mampu menggarap novel sebagai wadah maklumat dan makna baharu dan pada masa yang sama berusaha mengekalkan jati diri kepengarangannya yang mengangkat kisah orang tua yang berjiwa sensitif.

Selain itu, pengkaji meneliti kajian Aminuddin Saimon (2015). Dalam kajiannya yang bertajuk *Leksis Gender Dalam Novel Terpilih A. Samad Said*. Kajian ini menganalisis empat buah novel iaitu *Langit Petang* (1980), *Di Hadapan Pulau* (2000), *Sungai Mengalir Lesu* (2005) dan *Adik Datang* (2012) karya A. Samad Said. Leksis dijadikan tunjang dalam pembinaan ayat. Dari segi linguistik, leksis gender ialah pembendaharaan kata yang melibatkan jantina sama ada lelaki, perempuan atau neuter (neutral). Terdapat tiga objektif kajian iaitu, mengenal pasti penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said, menganalisis leksis gender menggunakan teori analisis komponen dan merumuskan kekuatan penggunaan leksis gender dalam novel terpilih A. Samad Said. Terdapat tujuh kategori dalam menentukan leksis gender dalam teks A. Samad Said iaitu kekeluargaan, bentuk panggilan, gelaran, pekerjaan/jawatan, kata sifat, kata ganti nama diri dan kata nama.

Seterusnya, pengkaji meneliti pula kajian Nurhamizah Hashim (2015). Dalam kajiannya yang bertajuk *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*, beliau merumuskan enam buah teks remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU), hasil karya enam orang pengarang dengan menggunakan Pendekatan Hierarki Keperluan Remaja yang telah diubah suai dari Teori Hierarki keperluan Manusia. Antara teks yang dipilih seperti *Azfa Hanani* (1995), *Trilogi Cinta* (2002) *Merenang Gelora* (2002), *Merdekakan Cinta Ratna* (2003), *Beraraklah Awan Pulu* (2006) dan *Jendela Menghadap Jalan* (2009). Analisis tersebut menggunakan lima

peringkat utama yang terdapat dalam Pendekatan Hierarki Keperluan Remaja, iaitu pertama, keperluan fisiologi, kedua, keperluan keselamatan, ketiga, keperluan kasih sayang dan cinta, keempat, keperluan penghargaan sendiri dan akhir sekali kelima, keperluan penyempurnaan sendiri. Jelaslah bahawa, watak remaja merupakan cerminan kehidupan sebenar.

Kajian yang bertajuk *Kecerdasan Emosi Dalam Novel Remaja* oleh Wan Norlidza Wan Mohd Zain (2015). Terdapat tiga objektif yang didapati dalam kajian ini iaitu, mengenal pasti kehadiran komponen kecerdasan emosi pada watak-watak yang terdapat dalam teks kajian, menganalisis kecerdasan emosi yang terdapat pada watak-watak protagonis remaja berdasarkan Model Kecerdasan Emosi (MKE) dalam teks kajian dan menilai pengaruh dan kepentingan komponen kecerdasan emosi terhadap pembentukan sahsiah unggul watak protagonis remaja dalam teks terpilih. Kajian ini berlandaskan kepada Teori Kecerdasan Emosi yang dipimpin oleh Mayer dan Salovey (1990) dan Teori Kecerdasan Emosi oleh Daniel Goleman (1995/1999). Komponen Kesedaran Rohani ini dapat dilihat melalui aspek akhlak dan akidah. Kajian ini telah memberikan pementapan dan memperlihatkan penemuan hasil kajian yang berlandaskan kepada Model Kecerdasan Emosi (EMK) seperti komponen-komponen kecerdasan emosi yang terdapat dalam model kajian, memperlihatkan bahawa remaja mampu untuk menangani emosi dengan positif dan serta mengawal hubungan dengan masyarakat yang lain.

Seterusnya, penelitian dilakukan terhadap kajian Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Samsudin (2016) bertajuk *Analisis Watak dan Perwatakan dalam Novel Sejambak Bakti karya Rejab FI*. Watak dan perwatakan dijadikan objektif kajian dalam teks *Sejambak Bakti*. Objektif seterusnya bagi menerangkan watak dan perwatakan manakala objektif yang terakhir untuk menerapkan teori Psikoanalisis Sigmund Freud di

dalam teks. Kajian ini memberikan kesan kepada tiga pihak, iaitu individu, pelajar dan masyarakat. Nilai murni turut dipaparkan melalui watak-watak di dalam teks ini seperti rajin, saling membantu, nilai persahabatan yang utuh dan tekad dalam membentuk keperibadian yang murni dan wajar dijadikan contoh.

Faziela Abu Bakar@Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) dalam kajiannya *Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih* karya Faziela Abu Bakar@Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi merumuskan mengenai konflik remaja yang terkandung di dalam novel-novel remaja terpilih. Mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terkandung dalam teks yang dikaji merupakan objektif kajian ini. Kehidupan manusia tidak akan terlepas daripada membuat kesalahan dan tak lekang daripada menerima rintangan. Golongan remaja lebih terdedah dalam mencetuskan konflik kerana sifat remaja yang mentah dan kurang matang dalam berfikir. Bukan itu sahaja, jika tidak mendapat didikan yang sewajarnya akan menyebabkan jiwa mereka mudah tersentuh. Konflik yang terdapat dalam hasil kajian novel ini seperti konflik kekeluargaan, konflik diri dan konflik rakan sebaya. Hasil penelitian membuktikan bahawa konflik yang diterima oleh watak mampu ditangani dan diatasi dengan jayanya. Pengalaman mematangkan diri dan menjadikan diri lebih yakin untuk menghadapi rintangan dan cabaran. Sehubungan itu, kajian ini melihat aspek konflik daripada perspektif teori Humanistik Abraham Maslow.

Penelitian seterusnya adalah pada kajian Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa (2017) dalam kajian yang bertajuk *Kritikan Sosial Dalam Novel-novel Terpilih karya Faisal Tehrani*. Kajian ini merumuskan mengenai kritikan sosial dari tiga aspek, iaitu sosioekonomi, sosial dan



politik. Kajian ini menggunakan lima buah teks karya Faisal Tehrani iaitu *Perempuan Politikus Melayu*, *Manikam Kalbu*, *Tunggu Teduh Dulu*, *Bahlut* dan *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?* Faisal Tehrani sememangnya seorang pengarang yang mempunyai pemikiran yang tinggi dan mampu memberi contoh kepada generasi muda untuk berkarya. Hasil karya beliau sememangnya mendapat pilihan buat masyarakat kerana dianggap sebagai karya yang berkualiti. Faisal Tehrani lebih menekankan isu kemasyarakatan dan kemanusiaan yang terjadi di kehidupannya. Faisal Tehrani bukan hanya menghasilkan novel-novelnya untuk hiburan semata-mata tetapi untuk mengkritik terhadap permasalahan-permasalahan sosial dari sisi seorang penulis.

Nor Hasimah Ismail, Marzalina Mansor & Melor Fauzita Md. Yusoff (2017) dalam kajian *Konflik Wanita dalam Drama Popular yang Diadaptasi daripada Novel* menganalisis konflik jiwa terjadi disebabkan hasrat yang berbeza, kehendak yang berbeza dan kemahuan yang berbeza dalam realiti kehidupan. Pendapat dan kelakuan yang dimahukan tidak disukai oleh orang sekeliling akan menyebabkan individu tersebut menghadapi konflik jiwa yang hebat. Perbezaan ketara ini menyebabkan berlakunya konflik jiwa yang hebat. Kini adaptasi novel ke drama menjadi pilihan semasa kerana memenuhi citarasa masyarakat. Adaptasi merupakan penyesuaian keadaan dengan sesuatu yang baharu. Kajian ini akan menganalisis konflik yang dihadapi oleh watak wanita dalam drama adaptasi daripada novel, iaitu *Rindu Awak 200%*. Watak wanita dalam karya ini mengalami banyak konflik yang hebat. Sehubungan dengan itu, objektif kajian berupaya mengenal pasti imej wanita yang mengalami konflik dalam karya tersebut. Seterusnya meneliti dan akan dianalisis berdasarkan kaedah penelitian teks. Kajian ini diharapkan mampu dijadikan pengajaran yang berguna kepada masyarakat kini.

Kamariah Kamarudin (2017) dalam kajian yang bertajuk *Mau'izah Remaja dalam Novel Satu Bulan Tiga Bintang Karya Ummu Hani Abu Hassan* menganalisis mengenai keupayaan yang dijalankan untuk membentuk keperibadian anak muda. Dalam menerapkan kalangan remaja dengan nilai-nilai positif kajian ini menggunakan konsep mau'izah yang merupakan asas dalam pendidikan. Mau'izah bukan hanya dalam pembinaan jiwa anak muda namun mampu memberi manfaat kepada masyarakat dalam segi bahan bacaan. Dalam membentuk perilaku dan meningkatkan sahsiah remaja, penghasilan novel remaja sememangnya satu alternatif yang berkesan. Kajian berdasarkan mau'izah remaja memperlihatkan keupayaan menegur dan mengamalkan amal makruf dan nahi mungkar diperlihatkan pengkarya buat khalayak pembaca. Kehidupan ini akan terasa sunyi tanpa ada nasihat dan pengajaran.

Akhir sekali, kajian oleh Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2019) dalam tajuk kajian, *Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih* menganalisis unsur sains dan sastera yang terkandung dalam teks remaja terpilih. Pandangan para sarjana sastera yang beranggapan bahawa teks remaja sains tidak menekankan fakta sains dan tidak memasukkan elemen sastera telah menyebabkan kajian ini terhasil. Kaedah yang digunakan bagi menjayakan kajian ini ialah kaedah kualitatif, iaitu dengan menggunakan kaedah kepustakaan, analisis teks dan penerapan teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K). Pengkaji ingin menganalisis kesahihan mengenai unsur sains dan sastera dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya dan *Di Sebalik Dinara* (2012) karya Dayang Noor.

### 2.3 Pengkajian Terhadap Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu dalam Karya-karya Sastera

Kajian Norita Arifin (2006) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun* menganalisis mengenai ketinggian budi yang diterapkan di dalam kajian bertepatan dengan pendapat para sarjana dan sejarawan berhubung nilai budi masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang merupakan tunjang dalam menjayakan kajian ini. Objektif kajian ini adalah untuk melihat nilai budi masyarakat Melayu tradisional yang diterapkan melalui pantun. Terdapat sembilan nilai budi masyarakat Melayu dalam aspek nilai budi iaitu nilai baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesyukuran dan keberanian. Nilai tersebut meliputi aspek moral, kepercayaan, pendidikan, penghargaan dan penghormatan serta sikap dan pandangan hidup. Jelaslah bahawa pantun sebagai hasil seni kesusasteraan yang mengangkat identiti masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian daripada Sahlan Mohd. Saman (2008) yang bertajuk *Pengkaedahan Melayu-Islam dalam kritikan sastera*. Kajian ini menjelaskan sesuatu fenomena atau secara menyeluruh memberikan sesuatu huraian yang perlu. Pembaca akan lebih jelas terhadap proses penghayatan yang relevan. Pendekatan memainkan peranan yang cukup penting bagi menghilangkan kesamaran kepada pembaca. Pendekatan sebagai panduan kepada kritikawan dan menentukan arah pembincangan. Pendekatan berperanan menjelmakan sebuah kritikan objektif dan saintifik. Kajian ini membicarakan kritikan sastera dengan pendekatan Melayu-Islam. Kritikan sastera yang menggunakan pendekatan Melayu-Islam akan mempelajari beberapa teori dan pendekatan yang relevan sebagai bekalan untuk mengkritik sesebuah karya sastera.

Jumali Hj. Selamat (2009) menggunakan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajiannya yang bertajuk *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribut Menerusi Pendekatan Dakwah*. Kehidupan manusia dan masyarakat sekeliling dalam bertakwa kepada Allah merupakan analisis dalam kajian ini. Teks yang digunakan bagi menjayakan kajian ini ialah novel remaja yang bertajuk *Menjaras Ribut* karya Darma Muhamad. Fokus kajian merupakan persoalan mengenai dengan keagungan Allah dan Islam. Teks ini memaparkan persoalan agama seperti kebebasan beragama, penerapan nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam dalam hasil kajian. Jelaslah bahawa, novel remaja merupakan pengisian dalam memantapkan Islam menerusi Pendekatan Dakwah yang menerangkan keunggulan Islam.

Syaidul Azam Kamarudin (2011) dalam kajiannya yang bertajuk *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman* turut menggunakan pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu dalam kumpulan puisi pilihan iaitu *Kau dan Aku* (1994), *Bahtera Madani* (2001), *Gapura Diri* (2002), *Bicara Kasih* (2004), *Zaman Baru* (2006) dan *Mahligai Kencana* (2009). Pengkaji mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Objektif kajian adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis jati diri Melayu dalam puisi-puisi pilihan dan mengkaji gambaran jati diri Melayu dalam puisi-puisi A. Aziz Deraman. Kaedah kualitatif merupakan satu kajian tentang penulisan islamik sebagai medium pendekatan dakwah terhadap penulisan novel yang menggunakan aplikasi Pendekatan Keagamaan.

Kajian Siti Murni Mohd. Abdul Hamid (2011) yang bertajuk *Imej Manusia dalam Kumpulan Puisi Salasilah Zurinah Hassan* adalah bertujuan untuk mengenal pasti makna yang tersirat dalam puisi-puisi Zurinah Hassan melalui pelukisan imej manusianya. Seterusnya, mengenal pasti keberadaan Teori Pengkaedahan Melayu dalam Kumpulan

Puisi Salasilah oleh Zurinah Hassan melalui imej manusianya dan untuk mengenal pasti kewujudan dan perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan makhluk lain serta Tuhannya. Malah dalam kajian ini juga pengkaji turut mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dalam menghasilkan kajiannya. Hasil dapatan kajian ini adalah dapat menunjukkan imej manusia dalam kumpulan puisi Zurinah ini mengandungi makna yang tersirat sebagai cerminan bangsa Melayu dan Teori Pengkaedahan Melayu juga dikenalpasti berada dalam imej manusianya.

Seterusnya, penelitian dilakukan terhadap kajian Jumali Hj. Selamat (2012) yang bertajuk *Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang*. Kajian ini menganalisis nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian remaja berdasarkan teks *Seteguh Karang* karya Tuan Faridah Syed Abdullah menerusi Pendekatan Moral dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada hidup manusia. Kebergantungan manusia terhadap alam tiada tolok bandingnya. Menerusi Pendekatan Moral segala kejadian alam bukan dalam bentuk alat ataupun benda tetapi ianya bersifat pengalaman hidup. Bersesuaian dengan sifatnya, karya sastera dianggap sesuatu yang mampu memberi pendidikan dan pengalaman kepada masyarakat.

Zunaidah Daud (2014) dalam kajiannya yang bertajuk *Kata Nasihat dan Pengajaran dalam Antologi Gurindam karya Mas Adeki dari Sudut Pengkaedahan Melayu*. Gurindam yang terdiri daripada dua antologi iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapan* yang diterbitkan pada tahun 2005, sebanyak 40 tajuk dan *Lautan Kasih Berpantai Sayang* yang diterbitkan pada tahun 2009, sebanyak 37 tajuk. Pengkaji memilih untuk mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu yang merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Dapatan kajian terhadap gurindam ini menunjukkan penemuan kata nasihat dan pengajaran dari empat aspek iaitu kata nasihat dan

pengajaran dalam pendidikan, dari aspek keagamaan, dari aspek kerjaya dan dari aspek keagamaan. Kata nasihat dan pengajaran yang diutarakan oleh Mas Adeki dalam gurindamnya bertepatan dengan Teori Pengkaedahan Melayu.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2014) dalam kajian mereka yang bertajuk *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. Kajian ini berfokuskan nilai murni menerusi cerita rakyat terhadap pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan kanak-kanak. Kajian ini menganalisis teks Koleksi Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia sebagai batasan kajian. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan tunjang dalam bagi mengukuhkan kajian ini. Kajian ini telah menemukan beberapa dapatan kajian. Hal ini membuktikan keberhasilan teks ini dalam memberi pengajaran dan sumbangan kepada masyarakat.

Penelitian yang seterusnya adalah pada kajian Zaitun Hasan (2015) yang bertajuk *Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Teks yang dikarang oleh Osman Ayob dikenalpasti dan dianalisis dalam kajian ini. Pendekatan Firasat merupakan tunjang dalam menjayakan kajian ini. Pemilihan Pendekatan Firasat kerana ilmu firasat berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu, yang erat dengan hubungan alam serta agama Islam. Hashim Awang mentakrifkan bahawa ilmu firasat merupakan salah satu pendekatan dalam kajian karya sastera Melayu. Jelaslah bahawa novelis memasukkan unsur alam dalam penghasilan karya yang bermutu dan bertepatan dengan selera masyarakat.

Johari Yahya (2015) dalam kajiannya yang bertajuk *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu* memperlihatkan tentang kebaikan pantun Melayu yang bernilai tinggi. Objektif kajian untuk mengenal pasti

peribahasa yang terdapat dalam teks, pantun, membincangkan nilai murni, dan menganalisis tentang kearifan tempatan serta kemahiran dalam bidang daya cipta. Kajian ini menggunakan Pendekatan Gunaan dan Pendekatan Moral menerusi Teori Pengkaedahan Melayu bagi menjayakan kajian ini. Jelaslah bahawa hasil kajian ini akan membuka satu lembaran baru dan akan mengangkat darjat masyarakat Melayu secara tidak langsung.

Seterusnya, Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) yang melakukan kajian mengenai *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu* mengemukakan dapatan bahawa cerita rakyat merupakan salah satu khazanah sastera Melayu yang cukup disanjung dalam masyarakat Melayu tradisional dan ia disampaikan secara lisan. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan tunjang dalam menjayakan kajian ini. Nilai baik hati mampu memberikan pengajaran dalam masyarakat Melayu. Kajian ini berfokuskan nilai murni baik hati dalam cerita rakyat Melayu.

Sorotan kajian diteruskan kepada kajian Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven (2016). Kajian mereka bertajuk *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian ini bertujuan untuk memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat melayu menerusi hikayat pelanduk jenaka menerusi proses interaksi sosial. Kajian ini menganalisis kaedah kualitatif, analisis kandungan dan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu. Novelis merupakan pembawa amanah dan pesanan kepada pembaca dalam melahirkan masyarakat yang harmoni. Selain itu, unsur-unsur alam yang bermanfaat dan indah sifatnya berupaya membawa fungsi-fungsi tertentu

sebagai panduan dan kawalan sosial dalam kalangan khalayak pembaca. Begitu juga dengan unsur alam yang merupakan budaya masyarakat Melayu yang berupaya membentuk dan memperteguh kerohanian individu dan kelompok ke arah pembangunan sahsiah positif. Jelaslah bahawa, Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan mampu membawa kepentingan kepada khalayak pembaca seperti menghibur, membawa maklumat, mendidik serta mempertingkatkan kerohanian dan ketakwaan terhadap Allah SWT.

Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) dalam kajian mereka yang bertajuk *Padi sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu* memperlihatkan masyarakat Melayu mempunyai kemahiran yang tinggi dalam meneliti unsur alam dalam melahirkan bahasa yang baik dalam peribahasa. Kajian ini menganalisis unsur padi yang dianggap satu tanda yang dipindahkan dalam peribahasa. Pemilihan padi kerana ianya merupakan makanan rujin bagi masyarakat Melayu. Unsur tersirat di sebalik tanda-tanda pada padi dihurai dengan membuat penilaian dan pentafsiran agar dapat lebih difahami. Jelaslah bahawa kajian ini mampu dijadikan rujukan dan pedoman buat masyarakat dalam kehidupan seharian.

Seterusnya, kajian Fadzil Yusoff (2017) yang bertajuk *Pemaknaan Kosmologi Biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Analisis puisi ini akan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang terarah kepada alam sebagai hasil daripada kesedaran dan kreativiti bangsa Melayu terhadap kepentingan seni sastra sebagai alat yang membentuk jiwa, moral, kemajuan bangsa dan masyarakat untuk kebaikan dan kemaslahatan manusia sejagat. Kajian ini menggunakan dua pendekatan iaitu Pendekatan Alamiah dan Pendekatan Keagamaan. Kesimpulannya, teori yang dihasilkan oleh Hashim Awang telah membuka



mata penulis dan pengarang karya bahawa bangsa melayu kaya dengan bahasa dan kecantikan dalam penulisan.

Seterusnya, Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizan Jamian & Zubir Idris (2017) dalam kajian yang bertajuk *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarrobat*, menjelaskan tentang maksud kedutan (denyutan) bagi sesuatu masyarakat. Kedutan dalam fenomena tubuh merupakan pergerakan tubuh secara sendirinya tanpa mempunyai sebab yang jelas. Masyarakat Jawa menyatakan bahawa kedutan (denyutan) berlaku bagi memberi pesanan kepada masyarakat untuk sentiasa berhati-hati dalam apa jua situasi kerana dibimbangi akan ada kemungkinan yang tidak mampu diduga. Kepercayaan ini kerana masyarakat Jawa amat menitikberatkan konsep eling lan waspada (ingat dan waspada) dan sabar lan nrima (sabar dan menerima). Pendekatan Firasat digunakan bagi menilai amalan berkaitan alamat sesuatu kejadian atau peristiwa dijelaskan. Kepercayaan sedemikian masih dipercayai oleh masyarakat Jawa bagi mereka berhati-hati dalam menghadapi baik atau kurang baik.

Seterusnya, Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam kajiannya yang bertajuk *Sajak-sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah*. Kajian ini menganalisis sajak-sajak Badaruddin H.O. yang bertemakan ketuhanan, salah seorang penyair terkemuka di Brunei. Sajak-sajak beliau itu kemudiannya diaplikasikan dengan Pendekatan Dakwah, salah satu pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Sajak-sajak beliau itu didapati mengandungi unsur dakwah dan kebanyakannya memaparkan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T. Penyair menggunakan gaya bahasa

yang halus dan lembut untuk menyampaikan dakwahnya. Pendekatan Dakwah dijadikan tunjang dalam menjayakan kajian ini.

Chong Ah Fok (2018) kajian yang bertajuk *Prinsip dan Konsep Moral Alamiah dalam novel S.A.B.A* menjelaskan teori moral alamiah ini wujud berdasarkan prinsip dan konsep utama Pengkaedahan Melayu daripada Hashim Awang (1989). Beliau berusaha keras untuk menghalang sarjana tempatan daripada terus terjerumus ke dalam pemikiran “Lubang Biawak”. “Lubang Biawak” ialah jargon ahli jawa Islam dari Sudan yang bernama Malek B. Badri yang bermaksud golongan intelektual dari Barat secara membuta tuli (1989). Teori Pengkaedahan Melayu telah menyebabkan tercetusnya satu buah fikiran baharu untuk menambahbaik teori tersebut dan menamakannya sebagai teori moral alamiah. Prinsip utama teori ini ialah karya sastera sebagai kejadian alam yang bermanfaat, mengandungi bentuk, proses, sistem, estetik sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.

Che Abdullah Che Ya (2018) pula menjalankan kajian yang bertajuk *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penelitian menganalisis kesemua pendekatan yang menjadi prinsip Teori Pengkaedahan Melayu iaitu; Pendekatan gunaan, moral dan firasat daripada Pengkaedahan Alamiah dan Pendekatan Dakwah, masyarakat dan seni daripada Pengkaedahan Keagamaan. Hasil penelitian membuktikan bahawa teks ini banyak memerihalkan kehidupan sebenar masyarakat Melayu yang mempunyai kebergantungan yang tinggi kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Sastera Melayu menekankan pembentukan insan dan pendidikan namun tidak menafikan nilai keindahan sesuatu karya. Masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam namun masih terikat kepada kepercayaan dan amalan tradisi

khususnya tentang firasat, tanda dan mimpi. Jelaslah bahawa, Teori Pengkaedahan Melayu mampu memanifestasikan kehidupan masyarakat dalam karya sastera.

Akhir sekali, Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu* menganalisis masyarakat yang tetap menganggap naratif lisan sebagai bahan yang tidak memberikan sebarang faedah, penuh dengan kepincangan, rekaan yang dibuat-buat dan sekadar hiburan kepada khalayak pembaca. Kajian ini bertunjangkan Pendekatan Moral, Pendekatan Dakwah dan Pendekatan Kemasyarakatan. Teori Pengkaedahan Melayu merupakan tunjang bagi memantapkan lagi analisis kajian ini. Penelitian dan penghuraian terhadap beberapa aspek merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan dilaksanakan sebagai deduksi dalam pendekatan kajian. Hal ini bertepatan dengan norma-norma kebudayaan masyarakat Melayu.

## 2.4 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian yang lepas mampu memberikan gambaran awal kepada pengkaji untuk melaksanakan kajian dengan baik dan disokong dengan pemilihan teori yang betul. Pemilihan sorotan kajian menepati kriteria dan tajuk kajian pengkaji. Sorotan kajian berupaya merangka kajian yang ingin dilaksanakan pengkaji. Pengkaji mampu membuat rujukan awal sebagaimana yang harus ada di dalam kajian yang berikutnya. Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu menerusi Pendekatan Kemasyarakatan merupakan salah satu teori yang bertepatan dan relevan untuk merungkai kedinamikan citra masyarakat yang terkandung di dalam novel-novel remaja.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Kajian tentang citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih dijalankan secara sistematik melalui satu metode kajian sahaja, iaitu kajian teks. Namun, maklumat daripada teks pilihan akan digabungkan dengan teori pilihan yang menjadi teras kajian untuk menghasilkan satu padanan dapatan yang dapat menghasilkan satu kesimpulan kajian yang menyakinkan. Selain itu, data-data sekunder yang diperolehi melalui penyelidikan kepustakaan dan laporan-laporan daripada pihak yang terlibat secara langsung dalam bidang kesusasteraan pastinya dapat memberikan pemahaman yang lebih kepada pengkaji tentang apa yang hendak dikaji dan bagaimana mengoperasikannya dalam kajian ini. Malah, berdasarkan laporan-laporan kajilidikan oleh pihak-pihak tertentu dan penelitian ke atas kajian-kajian lepas, kajian yang dijalankan akan menjadi lebih mudah.

Pengkaji akan menggunakan pendekatan teori, iaitu Teori Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Kemasyarakatan sebagai proses deduktif (berdasarkan kepada teori dari literature yang dibaca) walaupun kajian kualitatif membolehkan pengkaji menggunakan proses induktif. Siti Uzairiah (2017:54), berpendapat bahawa walaupun pengkaji yang memilih kaedah kualitatif bertanggungjawab menginterpretasi data, namun ia perlu dilakukan secara berasas. Oleh itu, asas kepada kajian pengkaji adalah Pendekatan Kemasyarakatan yang terdapat dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Pengkaji akan meneliti tiga buah novel remaja terpilih (*Atukku Pejuang*, *Bening Mata Seorang Dia* dan *Melakar Sinar*) secara terperinci dan mengemukakan kedinamikan citra masyarakat yang terdapat dalam setiap novel berdasarkan pendekatan kemasyarakatan secara saintifik. Pengkaji akan menghuraikan (description), meramalkan (prediction) dan menerangkan (explanation) citra masyarakat dalam novel-novel-novel terpilih. Pengkaji akan menghuraikan peristiwa dan hubungan antara peristiwa, meramalkan bagi mencari kolerasi antara dua atau lebih peristiwa dan seterusnya menerangkan sebab dan akibat daripada peristiwa-peristiwa yang digambarkan dalam setiap novel sehingga menerbitkan kedinamikan citra masyarakat yang ingin disampaikan dalam novel-novel remaja kepada kumpulan sasarannya.

### 3.2 Metodologi Kajian

Metodologi merupakan ilmu mengenai metode atau disiplin yang diaplikasikan semasa melakukan kajian tertentu untuk mencapai matlamat tertentu. Menurut *Kamus Dewan* (2007:1030), metodologi bermaksud sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan atau disiplin. Metodologi kajian yang jelas adalah penting supaya penyelidikan yang dijalankan mempunyai kaedah yang paling sesuai dan berkesan bagi menjawab permasalahan kajian.

Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu pendekatan yang menyeluruh dalam proses penyelidikan, daripada asas teori yang digunakan hinggalah kepada pengumpulan dan penganalisan data. Kajian ini mengaplikasikan penyelidikan kualitatif yang bersifat tekstual. Kajian tekstual akan membolehkan pengkaji menganalisis karya beberapa orang penulis novel remaja secara lebih terperinci. Kajian ini mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu dengan Pendekatan Kemasyarakatan yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989.

Pematuhan kepada tatacara metodologi kajian yang telah ditetapkan adalah penting bagi membolehkan pengkaji menyelesaikan permasalahan kajian yang telah ditetapkan lebih awal. Selain itu, pemuatan metodologi penting bagi membolehkan pihak lain merujuk kepada tatacara kajian yang dibuat dan berupaya untuk mengulang tatacara yang sama untuk bidang kajian yang sama. Keboleh ulangan tatacara yang sama akan menghasilkan keputusan yang hampir sama atau sedikit berbeza yang akan menjurus kepada pengembangan ilmu pengetahuan dalam bidang yang berkaitan (Siti Uzairiah, 2017:2).

### 3.2.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini merupakan kajian yang bersifat deskriptif. Reka bentuk kajian ini menggunakan kajian kaedah tunggal (mono-method) yang hanya melibatkan penggunaan bukti yang dikumpul dengan menggunakan sejenis kumpulan data sahaja, iaitu data kualitatif. Penyelidikan kualitatif melibatkan kepelbagaian kaedah secara berfokus termasuk menggunakan pendekatan naturalistik (semulajadi) untuk menyelidik sesuatu dan melibatkan proses inkuiri ke arah pemahaman apabila meninjau sesuatu permasalahan sosial.

Penyelidikan kualitatif mempunyai bentuk data yang tersendiri dan ianya berbeza dengan penyelidikan kuantitatif. Pada kebiasaannya, data kualitatif diperolehi melalui temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Namun, sepanjang kajian ini dilaksanakan pengkaji hanya fokus kepada data yang diperolehi melalui analisis dokumen.

Justeru, bagi mencapai objektif kajian, pengkaji telah menetapkan beberapa kaedah kajian. Data kualitatif kajian ini akan dikumpul melalui kaedah kepustakaan dan analisis teks (analisis novel-novel remaja terpilih dan juga penelitian ke atas kajian-kajian literature yang berkaitan). Nota lapangan dan catatan pengkaji merupakan penyokong utama dalam mengesahkan kerja-kerja lapangan yang dijalankan dalam kajian kualitatif. Data-data terkumpul akan dianalisis seterusnya dengan Pendekatan Kemasyarakatan berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu.



### 3.2.2 Kaedah Kajian

Kajian ini hanya menggunakan dua kaedah kajian, iaitu kaedah kepustakaan dan kajian analisis teks. Kaedah kajian ini diaplikasikan bagi mengumpul, mengolah serta menganalisa data secara kualitatif bagi menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

#### 3.2.2.1 Kepustakaan

Kajian kepustakaan membolehkan pengkaji menggunakan sumber-sumber daripada bahan-bahan bercetak dan juga bahan-bahan elektronik seperti novel-novel, buku-buku rujukan, kamus dan juga sumber-sumber daripada internet. Pengkaji banyak meneliti kajian-kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan ini.

Kaedah kepustakaan merupakan kaedah pengkaji mencari maklumat serta bahan untuk kajian ini. Pengkaji telah menggunakan tiga buah novel remaja terpilih, buku-buku, jurnal-jurnal sastera, majalah, akhbar, kertas kerja, kertas seminar, tesis-tesis sama ada peringkat ijazah, sarjana mahupun doktor falsafah, dan juga *Kamus Dewan*. Fokus maklumat yang dikumpulkan adalah pada kata kunci novel remaja, citra masyarakat, Teori Pengkaedahan Melayu, dan Pendekatan Kemasyarakatan.

#### 3.2.2.2 Teks

Sebanyak tiga (3) buah novel remaja hasil karya tiga orang penulis tempatan telah dipilih untuk dikaji. Pengkaji telah memilih novel *Atukku Pejuang (2019)* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia (2019)* karya Adnie Bahiah dan *Melakar*

*Sinar (2019)* karya Sunita Sahidin. Ketiga-tiga novel ini diterbitkan oleh DBP. Berdasarkan kepada pembacaan yang telah dilakukan, pengkaji dapat mengenal pasti, menganalisis, merumuskan, dan mengaplikasikan Teori Pengkaedahn Melayu (Pendekatan Kemasyarakatan) untuk melengkapkan kajian ini yang berkaitan dengan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih.



### 3.3 Pendekatan Teori

#### 3.3.1 Latar Belakang Teori Pengkaedahan Melayu

Teori Pengkaedahan Melayu telah dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori ini merupakan satu dasar, asas dan tunjang kepada ilmu pengetahuan yang berbentuk ilmiah. Teori ini mula tercetus apabila mendapati kajian-kajian yang dilakukan oleh sarjana dan pelajar banyak menggunakan teori barat di mana teori tersebut bersifat erotik dan lucu.

Pada akhir tahun 80-an, sarjana tempatan telah menghasilkan teori tempatan atas kesedaran akan kelemahan, kekurangan dan ketidaksesuaian teori barat dalam kajian sastera tempatan. Hal ini demikian kerana, teori-teori barat tidak bertepatan dengan cara hidup masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, para sarjana tempatan telah menghasilkan teori-teori tempatan untuk digunakan dalam sastera tempatan.

Antara teori yang dihasilkan oleh sarjana tempatan ialah Teori Puitika Sastera Melayu yang diperkenalkan oleh Muhammad Haji Salleh, Teori Teksdealisme oleh Mana Sikana, Teori Takmilah oleh Shafie Abu Bakar, Teori Persuratan Baru oleh Mohd. Affendi Hassan, Teori Konseptual Kata Kunci oleh Mohamad Mokhtar Hassan dan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang.

Teori Pengkaedahan Melayu dihasilkan Hashim Awang. Tokoh ini dilahirkan pada tahun 1937 di Terengganu. Teori Pengkaedahan Melayu buat pertama kalinya dibentangkan pada Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1989. Teori ini tercetus kerana didapati

tidak semua teori Barat mampu menganalisis karya Melayu. Hashim Awang (1997) menegaskan bahawa model-model teori yang dikemukakan oleh sarjana Barat tidak lengkap, bersifat berat sebelah dan memberi perhatian kepada satu-satu aspek sahaja.

Dalam kajian ini pengkaji telah memilih Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Hashim Awang menghasilkan teori ini berteraskan dua komponen utama, iaitu Agama Islam dan masyarakat Melayu. Teori ini wajar diangkat martabatnya sejajar dengan teori barat kerana telah mengubah landskap sastera tempatan dan menjadikan karya sastera tempatan lebih utuh dan konkrit sifatnya.

### 3.3.2 Teori Pengkaedahan Melayu

Menurut Hashim Awang (2002:2), Teori Pengkaedahan Melayu ini berlandaskan kepada kenyataan hidup dan agama bangsa Melayu serta sifat penciptaannya. Teori ini terbahagi kepada dua pengkaedahan iaitu Pengkaedahan Alamiah dan juga Pengkaedahan Keagamaan. Bagi Pengkaedahan Alamiah ia dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Manakala bagi Pengkaedahan Keagamaan pula turut dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Bagi kajian ini, pengkaji telah menggunakan Pengkaedahan Keagamaan iaitu, Pendekatan Kemasyarakatan. Kedua-dua pengkaedahan ini saling berkaitan dan berhubung antara satu dengan lainnya.

Dalam Pengkaedahan Alamiah iaitu Pendekatan Gunaan merujuk kepada kewujudan objek alam yang mengandungi pelbagai manfaat, hikmat, fungsi dan kegunaan kepada manusia atau khalayak di samping alam digunakan sebagai sumber ilham sebuah


karya sastra. Pendekatan Moral pula menurut Hashim Awang (1999:8) pula didasari daripada Pendekatan Gunaan iaitu sastra berupa kejadian dan objek, namun berdasarkan Pendekatan Moral ia membentuk pengalaman hidup manusia iaitu pengalaman yang dilalui manusia tertentu. Seterusnya Pendekatan Firasat menurut Hashim Awang (2002:18) mengaitkan bahawa pendekatan firasat ini sebagai mimpi. Pendekatan ini adalah berlandaskan kepada tanggapan sastra ini sebagai satu kejadian alam semesta yang memberikan dan memperkayakan pengalaman hidup. Pengalaman hidup masyarakat Melayu yang sering dianggap bermakna kepada kehidupan untuk ditemukan pengertian atau pencarian makna mimpi yang dikenali sebagai ta'abir iaitu proses menentukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu.

Selain itu dari segi Pengkaedahan Keagamaan. Dari segi Pendekatan Dakwah ialah satu hasil sastra yang menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan nilai-nilai keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Menurut Hashim Awang (2002:20) maksud ini ditanggapi sebagai mengandungi persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT. Seterusnya, Pendekatan Kemasyarakatan pula adalah alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Selain itu, Pendekatan Seni menurut Hashim Awang (2002) digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini adalah menilai unsur keindahan dalam karya sastra. Ia menjadikan sastra sebagai persoalan pokok. Keindahan itu dapat dikenal pasti menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya.

Hashim Awang (2017) semasa Wacana Teori Pengkaedahan Melayu dan Islam menegaskan bahawa sewajarnya membentuk atau membina satu perkaedahan sastera yang berlandaskan alam dan masyarakat yang melambangkan jati diri bangsa Melayu sebagai wadah dan warisan budaya bangsa. Hal ini menyumbangkan peranan yang sangat besar dalam perkembangan dan kemajuan sastera tempatan.

Teori ini menjadikan alam sebagai sebahagian daripada kehidupan yang mempunyai kaitan rapat dengan manusia. Alam dijadikan faktor utama untuk memenuhi keperluan kehidupan manusia yang memberikan mata pencarian atau pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebajikan.

Oleh itu, Teori Pengkaedahan Melayu yang diilhamkan oleh Hashim Awang dikemukakan berdasarkan cara hidup, kepercayaan, dan kebudayaan masyarakat Melayu yang melahirkan karya sastera itu sendiri.



Rajah 1: Pendekatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu

(Sumber: Hashim Awang, 1994)

### 3.3.3 Pendekatan Kemasyarakatan

Pengkaedahan Keagamaan merupakan satu pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah agama Islam. Sumber utama yang menjadi rujukan ialah al-Quran dan hadis. Tujuan pembentukannya adalah untuk menonjolkan sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan kepada-Nya. Pengkaedahan Keagamaan dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Dari segi Pendekatan Dakwah ialah satu hasil sastera yang menekankan aspek-aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan nilai-nilai keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Menurut Hashim Awang (2002:20) maksud ini ditanggapi sebagai mengandungi persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan ketinggian Allah SWT.

Manakala Pendekatan Seni adalah menilai unsur keindahan dalam karya sastera. Menurut Hashim Awang (2002) Pendekatan Seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Keindahan yang dimaksudkan ialah keindahan nilai-nilai estika dan etika Islam yang tidak bertentangan dengan akidah, ajaran dan fahaman Islam. Pendekatan Seni dari sudut penelitian sastera ialah memperkukuhkan asas yang murni iaitu keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Menurut Hashim Awang (2002:21) Pendekatan Kemasyarakatan pula adalah alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Karya dipandang sebagai menegakkan ajaran-Nya supaya Islam dipandang tinggi oleh agama lain.

Persoalan kemasyarakatan yang negatif bertujuan untuk menjadi contoh teladan demi kesejahteraan hidup bermasyarakat dan kekuatan iman serta takwa kepada-Nya.

Secara keseluruhan, citra masyarakat dapat menggambarkan ciri-ciri masyarakat secara holistik. Hal ini demikian kerana, citra masyarakat merupakan kayu ukur kepada keharmonian sesuatu masyarakat dan lazimnya masyarakat harmoni mendorong ke arah kejayaan dan ketamadunan sesuatu bangsa dan negara. Pendekatan kemasyarakatan merupakan mekanisme terbaik untuk menggambarkan citra masyarakat sekarang melalui penulisan kreatif.

#### 3.3.4 Kepentingan Teori Pengkaedahan Melayu Pendekatan Kemasyarakatan dalam kajian sastera

Kajian ini menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan iaitu salah satu pendekatan menerusi Pengkaedahan Keagamaan dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Menerusi Pendekatan Kemasyarakatan, sastera dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam, (Jumali Hj. Selamat: 2010).

Sastera Melayu terhasil oleh adanya pandangan hidup, kebudayaan, dan kepercayaan masyarakat Melayu sendiri, yang nyata berbeza dari masyarakat Barat. Oleh itu, ia perlu dinilai atau dikaji daripada kaca mata pengkaedahan tersendiri juga. (Hashim Awang, 1997: 12).

Hasil penelitian mendapati novel-novel remaja terpilih sarat dengan realiti kehidupan masyarakat Melayu yang berpegang teguh kepada ajaran Islam dan



mengamalkan budaya masyarakat Melayu yang diwariskan dari generasi terdahulu. Pendekatan Kemasyarakatan telah membuka jalan baru ke arah pengkajian masyarakat dalam kajian sastera. Oleh yang demikian, sastera Melayu perlu dikaji menggunakan pengkaedahan yang tersendiri supaya kualiti dan mutu masyarakat Melayu terus utuh dan terjamin haknya.

Menurut Hashim Awang (1994), pendekatan ini mampu mengukur atau menilai segala permasalahan masyarakat yang terkandung dalam karya, serta menilai novelis yang menyediakan karyanya menerusi paparan idea, ideologi dan daya kreativiti yang dilakukannya.

### 3.3.5 Rasional aplikasi pendekatan kemasyarakatan dalam kajian


Kajian ini menumpukan perihal remaja di dalam novel-novel terpilih bagi memberi gambaran tentang kepentingan remaja dalam masyarakat. Remaja merupakan aset pembangunan negara pada masa ini dan juga pastinya pada masa akan datang. Remaja yang mempunyai jati diri yang utuh dengan pemupukan nilai dan moral yang tinggi selaras dengan pegangan agama yang padu pasti dapat melahirkan pelapis masyarakat yang memenuhi aspirasi negara. Oleh itu, adalah menjadi minat pengkaji untuk menganalisis citra masyarakat yang terkandung dalam setiap novel pilihan bertujuan untuk menyelami apakah nilai dan norma yang ingin disampaikan oleh penulis kepada golongan remaja, iaitu kumpulan sasaran utama novel remaja. Instrument yang mampu membantu menjayakan usaha pengkaji ialah tidak lain tidak bukan, Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu.

Pendekatan Kemasyarakatan merupakan alat pendedahan kepada persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam (Jumali Hj. Selamat: 2010). Masyarakat yang harmoni menjamin kesejahteraan negara. Bagi menjamin keharmonian masyarakat yang mapan, usaha mengharmonikan golongan belia perlu dilakukan dalam setiap ruang dan peluang yang ada. Salah satu yang penting adalah melalui karya sastera, iaitu karya yang dikhaskan untuk golongan remaja.

Pendekatan Kemasyarakatan bertepatan dengan latar sosial yang digambarkan dalam novel remaja yang terpilih kerana remaja dalam masyarakat Melayu memegang teguh tentang adat dan budaya masyarakat Melayu. Oleh yang demikian, penggunaan teori barat tidak menepati kriteria dan gambaran masyarakat Melayu kerana berbeza dari segi sosial budaya dan masyarakat.

Hashim Awang (1994) menegaskan penyelidikan bertujuan untuk mencari kesejahteraan hidup, pengukuhan iman dan takwa kepada Allah. Tumpuannya kepada soal jalinan isi dan tema yang terarah kepada latar belakang pengarang untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan hidupnya selari dengan persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam karya.

Teori Pengkaedahan Melayu mencakupi banyak dimensi dan aspek serta melalui bidang yang luas dan memperlihatkan perspektif yang kritikal. Konsep asas teori ini mudah ditanggapi dan dapat menyediakan kaedah kritikan atau kajian yang bertimbang. Pembahagian kepada pendekatan alamiah dan pendekatan keagamaan menepati keperluan sastera tempatan yang sememangnya menjadi budaya hidup masyarakat Melayu.



Rajah 2: Pendekatan Kemasyarakatan dalam Pengkaedahan Keagamaan  
(Diubahsuai daripada Teori Pengkaedahan Melayu)

### 3.4 Penutup

Secara keseluruhannya, pengkaji telah memperincikan metodologi kajian dalam bab ini. Pengkaji membincangkan kaedah yang diguna bagi menjawab persoalan kajian. Reka bentuk kajian yang dipilih, kaedah kajian dan strategi analisa data kualitatif juga diperjelaskan. Metodologi kajian ditetapkan berdasarkan kajian lepas (Bab 2) dan isu yang dibincangkan dalam Bab 1. Selain itu, pendekatan teori, iaitu Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu turut dibincangkan. Pemilihan Pendekatan Kemasyarakatan oleh pengkaji dalam kajian citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih membuktikan bahawa keyakinan pengkaji terhadap teori kritikan sastera tempatan tidak berbelah bahagi. Teori tempatan juga mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan teori barat. Hampir semua pengkaedahan yang dipakai dalam kebanyakan kajian sebelum ini adalah hasil peniruan sepenuhnya dari Barat. Oleh itu, perlu ada saringan dan pembatasan bagi mengekalkan keperibadian sendiri memandangkan masyarakat Melayu mempunyai nilai-nilai masyarakat yang berbeza daripada Barat (Sahlan Mohd Saman, 1999: 52).

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

#### 4.1 Pengenalan

Pada bab ini, pengkaji akan menerangkan dengan lebih mendalam mengenai kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Sastera merupakan karya seni kreatif hasil ciptaan manusia di mana ia menggunakan bahasa yang indah, halus dan menarik serta dapat memberikan kesan kepada pembaca ataupun penonton. Ia merupakan hasil pemikiran seni yang berkualiti iaitu ia diterjemahkan sama ada dalam bentuk lisan, penulisan, prosa, puisi, naratif dan non-relatif. Karya sastera ini berbeza dengan hasil-hasil penulisan akademik atau non-akademik lain kerana tidak mempunyai variasi bahasa serta kesan langsung dan tidak langsung kepada pembaca. Menurut *Kamus Dewan* (1997:1194) sastera merupakan bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab. Sastera juga merupakan satu seni iaitu seni karang-mengarang yang terdiri daripada prosa, puisi dan lain-lain. Menurut Abu Bakar Hamid (1997: 13) memberikan pengertian bahawa sastera adalah sebagai satu seni yang bercorak intelektual dan gabungan kepuasan intelek dan kepuasan estetik.

Nilai diertikan sebagai satu konsep yang dijadikan asas oleh masyarakat untuk melihat, mengukur atau membuat pilihan terhadap sesuatu perkara, darjat, mutu, kualiti dan taraf perilaku, dan benda mengenai seseorang atau kelompok orang sebagai baik, berharga dan bernilai.

Bagi tujuan mengkaji nilai-nilai masyarakat Melayu yang terdapat dalam novel *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang*. Pengkaji telah mengkategorikan nilai-nilai kepada tiga (3) yang utama iaitu nilai kemanusiaan, nilai kemasyarakatan dan nilai keagamaan. Nilai-nilai ini dapat menunjukkan gambaran keadaan masyarakat dalam novel *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang* yang merangkumi bangsa atau etnik, status dan kehidupan sosial, ekonomi, agama dan sebagainya yang digambarkan melalui watak-watak dalam novel yang dikaji.

Oleh itu, untuk mengkaji bahan-bahan kajian yang berkaitan dengan unsur citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih ini, pengkaji telah menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989) dengan menjadikan Pendekatan Kemasyarakatan yang terdapat dalam Pengkaedahan Alamiah bagi mengaitkan bahan-bahan kajian.

#### 4.2 Kedinamikan Citra Masyarakat dalam Novel-Novel Remaja Terpilih

Pengkaji akan membincangkan kedinamikan citra masyarakat dalam novel *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang*. Novel-novel ini merupakan keluaran terbaru tahun 2019 dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan mendapat sambutan yang baik dalam kalangan remaja kerana latar tempat dan jalan ceritanya menepati kriteria masyarakat Malaysia amnya dan golongan remaja khususnya.

Pengkaji terpenggil untuk menjalankan kajian terhadap kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja kerana tinjauan awal pengkaji mendapati kebanyakan novel remaja dalam pasaran tempatan, hasil karya anak tempatan, kaya dengan citra masyarakat. Pengkaji berasa yakin bahawa novel-novel remaja yang sarat dengan citra masyarakat ini mampu membentuk personaliti remaja idaman keluarga, masyarakat dan negara. Novel remaja yang dipilih mempunyai citra masyarakat yang mampu dijadikan pengajaran demi menjaga dan memelihara budaya Melayu supaya terus dipandang tinggi martabatnya oleh masyarakat lain.

Hasil pengamatan pengkaji terhadap tiga novel remaja yang menjadi tonggak kajian ini, pengkaji dapat merumuskan bahawa citra masyarakat yang diketengahkan oleh tiga pengarang novel remaja dalam alaf baru ini mengemukakan citra masyarakat yang sama. Citra masyarakat dalam novel-novel *Atukku Pejuang*, *Melakar Sinar* dan *Bening Mata Seorang Dia* adalah berkisar tentang citra masyarakat berkasih sayang, sabar, prihatin, pembersih, berani, beradab, bersyukur, baik hati, taat, dan bertanggungjawab.

#### 4.2.1 Citra Masyarakat Berkasih Sayang

Antara citra masyarakat yang terdapat dalam novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani yang pertama ialah citra masyarakat berkasih sayang. Mengikut *Kamus Dewan* (2015:682) menyatakan bahawa kasih sayang ialah cinta kasih atau perasaan dan belas kasihan. Citra masyarakat berkasih sayang perlu ada dalam diri setiap manusia kerana ianya merupakan tunjang dan permulaan dalam memupuk keharmonian dan menyatupadukan masyarakat agar tidak terpecah belah dek kerana anasir asing. Kasih sayang merupakan luahan perasaan terhadap sesuatu yang melibatkan keadaan, tingkah laku dan keinginan terhadap seseorang (Jumali Hj Selamat, 2012:202). Berkasih sayang merupakan permulaan di mana kita mampu mengukur tahap mengambil berat terhadap seseorang. Kasih sayang merupakan perasaan halus dan belas kasihan yang wujud dalam hati yang ikhlas terhadap seseorang (Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim, 2014:83). Hidup tanpa kasih sayang bagaikan kosong dan manusia hanya akan mementingkan diri sendiri tanpa menghiraukan masyarakat di sekeliling. Bagi pendapat Seow Hooi Lee & Lin Chia Ying (2019:29) pula mendefinisikan kasih sayang merupakan kepekaan dan perasaan cinta yang berkekalan dan lahir daripada hati nurani yang ikhlas. Kasih sayang tidak semestinya terucap di bibir tetapi bagaimana seseorang itu melayan dan cakna akan kehidupan kita.

Kasih sayang merupakan suatu perasaan yang universal dan perasaan ini menyelubungi manusia mahupun haiwan. Kasih sayang jika dipupuk dengan baik akan memberikan kepentingan kepada masyarakat dan dunia dari segi kedamaian. Perasaan kasih sayang akan mengeratkan lagi tali silaturahim antara masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Seperti yang telah diketengahkan dalam novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani yang mementingkan watak berkasih sayang dalam karya untuk



menerangkan tentang perwatakan seseorang yang berkasih sayang diantara ayah dan anak. Hal ini mampu menjadi ikutan buat si anak untuk terus mengamalkan perasaan berkasih sayang kepada orang lain. Peribahasa melayu ada berbunyi kemana jatuhnya kuah kalau tak ke nasi. Oleh hal yang demikian sebagai ibu bapa kita haruslah mencorakkan dan menerapkan perasaan kasih sayang kepada anak-anak agar menjadi ikutan di masa hadapan.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani citra masyarakat berkasih sayang amat dititikberatkan untuk memberi pengajaran kepada pembaca kerana citra masyarakat berkasih sayang merupakan hal yang terpuji dan wajar digalakkan dalam masyarakat untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Pengikat di dalam perhubungan institusi kekeluargaan ialah kasih sayang yang diluahkan sesama ahli keluarga. Keluarga yang harmoni akan sentiasa memupuk perasaan berkasih sayang kerana ianya merupakan tunjang keluarga bahagia.

Petikan 1

Waktu itu ayah kurasakan bagaikan adiwira Batman di kaca televisyen. Wataknya yang tidak banyak berkata-kata itu sangat mirip dengan perwatakan ayah. Namun begitu, ayah tetap tahu mempamerkan kasih sayangnya kepadaku yang satu-satunya anaknya ketika itu.

(Faizal Jailani, 2019)

Menerusi petikan 1, dapat dilihat hubungan kasih sayang diantara seorang bapa dan anak. Alias menggambarkan Encik Iskandar sebagai adiwira didalam hidupnya kerana selalu ada disaat susah dan senang Alias. Kasih sayang Encik Iskandar terhadap Alias tiada galang gantinya kerana Alias merupakan satu-satunya anak hasil perkongsian hidup dengan Puan Ramlah sebelum kelahiran adik Alias iaitu Hadhri. Kasih sayang yang diberikan kepada Alias bagaikan menatang minyak yang penuh. Kasih sayang ini

dipercayai akan memberikan kesan dalam hidup Alias dalam membentuk masyarakat yang aman damai.

Pengarang cuba menyelitkan citra masyarakat berkasih sayang antara keluarga kerana bermula dengan keluarga yang berkasih sayang akan membentuk masyarakat yang berkasih sayang. Oleh itu secara jelas bahawa petikan diatas sememangnya berhubung kait dengan Pendekatan Kemasyarakatan iaitu untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Seterusnya, pengkaji turut menemui citra masyarakat berkasih sayang dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Menerusi penulisan novel *Bening Mata Seorang Dia* pengarang cuba menyuntik citra masyarakat berkasih sayang diantara seorang ibu dan anak. Kasih sayang yang dicurahkan seseorang ibu bagaikan air sungai yang mengalir tanpa terbatas. Kasih sayang yang dicurahkan ibu kepada anaknya tidak terbalas dengan harta benda kerana ibu merupakan satu-satunya wanita yang tanpa lelahnya mengajar dan mendidik supaya anak mampu menabur bakti kepada masyarakat sekeliling. Begitu besarnya pengorbanan seorang ibu dalam membesarkan anak-anaknya. Dengan citra masyarakat berkasih sayang antara ibu dan anak ini nescaya mampu membuka mata dan minda masyarakat agar sentiasa mengamalkan berkasih sayang antara keluarga kerana keluarga merupakan darah daging sendiri dan tidak akan membiarkan kehidupan kita dalam masalah

Petikan 2

“Tak apalah Ana, aku boleh lagi jaga anak-anak aku. Aku belum mati lagi. Abang Borhan juga masih boleh mencari rezeki yang halal buat anak-anak.”

(Adnie Bahiah, 2019)

Pengkaji mendapati bahawa citra masyarakat berkasih sayang yang terkandung dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* menerusi watak Rosiah iaitu ibu kepada Azie Raihana yang sayang benar akan anak-anaknya dan tidak mahu melepaskan atau berpisah daripada anaknya walaupun terpaksa hidup susah sekalipun. Hal ini demikian kerana Mak Ana adik kepada Rosiah meminta hak penjagaan penuh terhadap Aliya adik bongsu Azie kerana Mak Ana belum dikurniakan rezeki zuriat. Namun kerana kasih sayang ibu terhadap tiada galang ganti Rosiah tidak sanggup melepaskan Aliya walaupun kepada adiknya sendiri. Rosiah berpendapat bahawa dia masih lagi mampu untuk menjaga anaknya dan masih belum mahu mati. Begitu besar kasih sayang yang ditunjukkan oleh Rosiah terhadap anaknya walaupun dia sedar bahawa keluarganya tidak begitu senang kalau nak dibandingkan dengan Mak Ana dan suaminya Pak Cik Rosli yang kedua-duanya berkerja dalam sektor kerajaan. Kasih sayang merupakan tunjang yang terpenting dalam memupuk keharmonian dalam masyarakat dan merupakan satu citra masyarakat yang terpuji dan wajar dijadikan ikutan. Jelaslah bahawa petikan diatas sememangnya berhubung kait dengan Pendekatan Kemasyarakatan iaitu untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam ajaran agama Islam.

Seterusnya, citra masyarakat berkasih sayang turut diperlihatkan di dalam novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Pengkaji mendapati bahawa citra masyarakat berkasih sayang amat dititikberatkan di dalam novel *Melakar Sinar* menerusi watak seorang anak terhadap ibunya. Watak anak yang diberi nama Arey memaparkan perasaan kasih sayang yang mencurah-curah terhadap ibunya yang diberi watak Miah. Arey berasa cukup gembira kerana mampu mengukir senyuman pada bibir ibunya. Manakan tidak, Arey merupakan anak sulung di dalam keluarga itu dan seluruh pengharapan ibunya hanya pada Arey. Ibu Arey yang berusaha dan memberikan segala kasih sayang kepada anaknya semenjak suaminya yang diberi watak Haizan

meninggalkan mereka terkotang kantung tanpa hala tuju. Hal ini disebabkan insiden dimana berlaku pertengkaran mulut diantara ibu dan bapa Arey. Haizan diketahui oleh Miah mengambil benda haram dan dinasihatkan supaya meninggalkan kegiatan itu namun Miah ditampar dan Haizan terus meninggalkan rumah itu.

Petikan 3

“Terima kasih bu... sebab telah mendidik dan Arey tanpa jemu, membesarkan Arey dengan penuh kasih sayang serta memberikan pelbagai pengalaman bermakna dalam hidup kepada Arey,” aku memulakan bicaraku.

(Sunita Sahidin, 2019)

Berdasarkan petikan 3, pengarang cuba menonjolkan citra masyarakat berkasih sayang diantara ibu dan anak. Seorang ibu yang membesarkan anak tanpa bantuan suami amatlah memilukan dan serasa berat sekali pengorbanan itu. Namun tiada yang mustahil jika citra masyarakat berkasih sayang mendahului dalam segala hal. Ibu Arey terasa amat gembira apabila anak yang dia besarkan mendapat tawaran dalam Kementerian Kesihatan Malaysia. Arey berterima kasih kepada ibunya kerana memberi kecukupan dalam hidupnya dan tidak mengurangi sedikit pom kasih sayang walaupun terpaksa mencari nafkah seorang diri kerana ayah Arey pergi meninggalkan mereka. Arey berniat untuk mengubah kehidupan keluarga mereka dan membalas budi ibunya yang selama ini membanting tulang membesarkan Arey dan adik-adik. Jelaslah bahawa petikan diatas sememangnya berhubung kait dengan Pendekatan Kemasyarakatan iaitu untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam.

Kesimpulannya, kasih sayang merupakan perasaan yang lahir dalam diri manusia dan perasaan ini merupakan asas untuk menjalinkan perhubungan sesama manusia. Kasih sayang amat penting dalam membina hubungan yang mesra dalam

sesebuah institusi kekeluargaan malah kasih sayang juga dapat dipupuk dari kalangan masyarakat jika disemai dengan berkesan sejak dari tumbesaran anak-anak. Kasih sayang yang tulus dan suci tidak memandang akan tarikan seksual, umur, pekerjaan dan status sosial seseorang malahan ianya juga tidak meminta pulangan ataupun balasan atas kasih sayang yang diberikan. Kewibawaan ibu bapa mampu memupuk dan menerapkan nilai terpuji dalam diri anak-anak supaya melahirkan generasi yang mempunyai prinsip hidup yang utuh (Asmah Bee dan Iran, 1995).

#### 4.2.2 Citra Masyarakat Sabar

Citra masyarakat yang kedua adalah sabar. Dalam *Kamus Dewan* (2015:1361) menyatakan bahawa sabar ialah menahan segala seksaan yang diterima. Makna kesabaran juga boleh difahami dan disama ertikan dengan bertahan. Umumnya, pengelasan sabar dikategorikan seperti mampu mengawal amarah, menggunakan perkataan yang sopan serta mampu mengeluarkan aura positif (Jauhari, 2006:342). Manusia yang mempunyai kesabaran yang tinggi mampu menahan diri dari melakukan sesuatu yang tidak disukai Tuhan dan masyarakat sekeliling. Menurut Ibnu Qayyim al-Jauziyyah (2003:206), sabar bererti mengawal emosi daripada melakukan perkara yang terkutuk dan mengeluarkan kata-kata yang kesat serta tidak bertindak diluar kawalan. Selain itu, Achmad Mubarak (2001:73) mendefinisikan sabar merupakan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah sebaliknya menerima dengan hati yang tenang serta tidak mudah dikawal hawa nafsu. Walau apa jua ujian yang mendatang dan mendesak dalam kehidupan ini, jika kita mempunyai kesabaran yang menebal di dalam diri nescaya kita mampu menangani segala ujian itu dengan tenang dan mampu berfikir dengan rasional tanpa memberi kesan buruk akan mana-mana pihak.

Kesabaran adalah satu sifat yang terpuji sehinggakan diperkatakan oleh Allah didalam Surah Al-Baqarah ayat 153 yang maksudnya; *Sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang sabar*. Sifat sabar akan membentuk keperibadian mukmin yang sejati. Jelaslah bahawa citra masyarakat sabar merupakan elemen terpenting yang cuba ditonjolkan oleh pengarang kepada pembaca dan dipercayai mampu dijadikan amalan seharian oleh masyarakat amnya.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani citra masyarakat sabar amat dititikberatkan dan ditekankan dengan lebih khusus untuk memberi pengajaran kepada pembaca kerana citra masyarakat sabar merupakan hal yang wajar diterapkan dalam diri masyarakat untuk membentuk masyarakat yang harmoni. Dalam kehidupan seharian kesabaran perlu diutamakan bagi memudahkan sesuatu perkerjaan. Manusia diuji dengan pelbagai masalah dan rintangan diatas keupayaan masing-masing namun sifat sabar mampu mengukur nilai keimanan seseorang individu. Sabar juga akan memberi cerminan yang murni akan ketentuan Illahi sekaligus menjadikan kehidupan lebih tenang dan dipermudahkan.

#### Petikan 4

Tiada apa yang boleh Puan Ramlah lakukan kini. Hanyalah doa dan harapan yang mampu dipanjatkannya kepada Yang Maha Esa. Pintanya pastilah akan keselamatan anak sulungnya itu.

(Faizal Jailani, 2019)

Menerusi petikan 4 dapat dilihat Puan Ramlah mempunyai tahap kesabaran yang cukup tinggi apabila ujian yang cukup getir menimpa keluarganya. Alias yang merupakan anak sulung hasil perkongsian hidup dengan Encik Iskandar telah melarikan diri dari rumah disebabkan berlaku pertelingkahan diantara Encik Iskandar dan Alias. Alias merasakan dirinya tidak lagi disayangi oleh keluarga lantas mengambil

keputusan untuk meninggalkan rumah mereka. Puan Ramlah yang sememangnya terkedu dan terkesan akan tindakan Alias hanya mampu bersabar dan berdoa semoga Alias baik-baik sahaja diluar sana. Pertelingkahan yang berlaku diantara Encik Iskandar dan Alias berpunca daripada Alias yang meminta untuk pulang ke Kampung bertemu datuknya. Keluarga Alias terpisah dengan datuknya sejak kecil akibat perselisihan faham. Encik Iskandar yang cukup marah akan permintaan Alias terus menampar Alias dan disitulah penyebab Alias melarikan diri dari rumah.

Pengarang cuba menyelitikan citra masyarakat sabar dalam kehidupan berkeluarga untuk memberi pengajaran bahawa semua manusia tidak terlepas daripada diuji. Ujian yang menimpa seseorang tidak terkecuali daripada musibah kehilangan orang yang terdekat mahupun mata pencarian kehidupan serta nikmat kesihatan. Cuma yang membezakan, bagaimana cara menyerap ujian dan seberapa tinggi tahap kesabaran dalam diri untuk terus melangkah dalam kehidupan ini. Bersabarlah kerana disetiap uji cabar pasti ada penghujung yang manis. Jelaslah melalui petikan diatas Pendekatan Kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam.

Selain itu, citra masyarakat sabar turut diperlihatkan menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Menerusi novel ini pengarang berusaha menyuntik sifat sabar dalam kehidupan agar hati menjadi tenang dan reda akan ketentuan Tuhan. Tuhan tidak akan mempersiakan air mata dan pengorbanan kita selama ini nescaya akan dibalas dengan sesuatu ganjaran yang tanpa kita sedari. Kesabaran merupakan kunci untuk menyelesaikan sesuatu masalah ataupun ujian. Tekadkan hati dan teguhkan peribadi agar langkah yang disusun berjaya diharungi. Tidak ada manusia yang selama

hidupnya tidak berdepan dengan ujian. Oleh yang demikian sifat sabar perlu diamalkan dalam kehidupan agar tidak wujud kekusaran yang membuak-buak dalam hati. Malah menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* banyak menekankan citra masyarakat sabar keluarga akan kehilangan orang yang tersayang. Kemanisan sabar hanya mampu dikecapi pada golongan yang mengamalkan.

Petikan 5

Sampai giliran ayah. Aku lihat ayah mengucup pipi ibu bertalu-talu. Aku tahu ayah orang yang paling sukar untuk melepaskan ibu pergi. Ayah sangat sayang akan ibu. Pasti sukar untuk ayah melepaskan ibu, namun ayah perlu reda untuk takdir tersebut.

(Adnie Bahiah, 2019)

Berdasarkan petikan 5, citra masyarakat sabar dapat dilihat melalui watak Borhan iaitu suami kepada arwah Rosiah. Borhan terpaksa melepaskan Rosiah atas suratan takdir. Rosiah disahkan menghadapi barah payudara dan terpaksa berulang alik ke hospital untuk pemeriksaan dengan doktor. Kesabaran yang cukup tinggi dalam diri Borhan menjadikan dia tenang dan reda akan segalanya. Borhan bertanggungjawab untuk membesarkan anak-anak setelah kematian Rosiah. Musibah yang menimpa atas kematian seseorang merupakan ketentuan Ilahi yang telah tertulis sebagai takdir manusia yang harus diterima dengan hati yang terbuka. Salah satu sifat yang terpuji dapat dikenalpasti adalah sabar. Manusia yang bersifat sabar tampak lebih tenang dan bertenaga dalam menghadapi ujian ataupun dugaan yang menimpa diri. Jelaslah melalui petikan diatas Pendekatan Kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam.



Seterusnya, citra masyarakat sabar turut diperlihatkan menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Pengarang cuba menerapkan citra masyarakat sabar dalam diri anak yang ditinggalkan oleh bapa. Kesabaran dalam sesuatu perkara pasti akan membuahkan hasil yang tanpa kita sedar dan tak terjangkau dek akal kita. Setiap sesuatu perkara yang berlaku mahupun menimpa ataupun mendatangkan musibah, ini merupakan satu ujian yang harus dihadapi oleh setiap mukmin yang ada atas muka bumi ini yang mana memerlukan tahap kesabaran yang lebih optimistik. Jelaslah bahawa, setiap individu seharusnya memupuk sifat sabar dalam kehidupan agar kehidupan akan menjadi lebih tenang dan akan meningkatkan tahap ketakwaan kepada Allah SWT.

Petikan 6

Hakikatnya seteruk mana pun perangai ayah, seburuk mana pun layanannya terhadap keluarga kami, aku sentiasa menyayangi ayah. Tidak pernah walau hanya sebesar zarah sekalipun perasaan benci, hadir didalam hatiku untuk membenci ayah.

(Sunita Sahidin, 2019)

Berdasarkan petikan 6, amat jelas akan kesabaran yang ditunjukkan oleh Arey walaupun bapanya bersikap tidak baik terhadap keluarganya. Arey tidak mengambil hati akan sikap ayahnya yang mengabaikan keluarga kerana sudah terpengaruh dengan benda haram. Arey berpendapat bahawa seteruk mana layanan ayahnya terhadap keluarga Haizan masih lagi dan selamanya bergelar bapa kandung dan tidak wajar jika Arey membenci darah dagingnya sendiri. Arey berdoa agar bapanya cepat bertaubat dan berubah seperti yang Arey kenal dahulu. Kesabaran Arey sememangnya wajar dicontohi bagi memupuk keluarga yang bahagia. Sifat penyabar Arey amat bertepatan dengan wataknya sebagai anak sulung dalam keluarga tersebut. Arey mampu dijadikan contoh oleh adik-adiknya kerana sifat sabarnya dan tidak cepat menghukum kesalahan bapanya.

Walaupun Arey diperlakukan dengan teruk oleh Haizan namun Arey tetap sabar dan sayang akan bapanya. Jelaslah melalui petikan diatas pendekatan kemasyarakatan dianggap mampu dijadikan alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam.

#### 4.2.3 Citra Masyarakat Prihatin

Citra masyarakat seterusnya ialah prihatin. Prihatin menurut *Kamus Dewan* (2015:1231) ialah menunjukkan tahap cakna yang tinggi terhadap sesuatu perkara. Prihatin merupakan tunjang akan keharmonian masyarakat. Prihatin merupakan cara bagaimana manusia menunjukkan nilai murni yang telah diterapkan sejak kecil lagi dan mampu dipraktikkan apabila menginjak dewasa. Keprihatinan sosial merupakan cara bagaimana manusia saling mengambil berat antara satu sama lain dengan kaedah yang sesuai dan relevan. Prihatin merupakan satu cetusan rasa, pemikiran dan tindak balas seseorang akan perkembangan yang mempengaruhi kehidupan. (Hall dan Hord, 2011).

Keprihatinan sosial dipaparkan melalui sentuhan mahupun gadingan antara manusia dengan insan yang lain. Bukan itu sahaja, ianya dianggap sebagai pengikat di dalam memupuk keharmonian masyarakat yang tidak memandang kepada status sosial. Menurut Idris & Noor (2013) keprihatinan dapat digambarkan melalui pengetahuan serta perlakuan seseorang dan ia dapat diukur dengan menggunakan beberapa kaedah antaranya soalselidik dan temubual.

Citra masyarakat prihatin diperlihatkan dalam novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani menerusi watak Hamzah dan Deris yang membantu Alias walaupun mereka tidak mengenali latar belakang Alias. Sifat terpuji mereka wajar dicontohi kerana mereka begitu prihatin akan masalah yang menimpa Alias. Mereka tidak sanggup membiarkan Alias keseorangan memikirkan akan tempat yang patut Alias tuju setelah Alias nekad untuk melarikan diri dari rumah. Alias terpaksa bergantung harap akan Hamzah dan Deris kerana tiada lagi tempat yang selesa untuk Alias tinggal selain rumah mereka. Hamzah dan Deris bersikap prihatin dengan menyediakan Alias tempat tinggal, pakaian dan makanan. Mereka berniat membantu sesama bangsa mereka. Tidak tergamak bagi mereka meninggalkan Alias dalam kesusahan.

Petikan 7

“Eh, kau ini! Ini bangsa kita... orang Melayu. Takkan aku nak biarkan saja!”  
(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 7 jelas menunjukkan rasa prihatin Hamzah yang menjumpai Alias di tepi parit lalu membawa Alias ke rumah mereka untuk dirawat dan berehat. Hamzah sememangnya memiliki budi pekerti yang baik sehingga sanggup berkongsi tempat tinggal dan merawat orang yang dia sendiri tidak kenal. Hamzah dan Alias tinggal di dalam kebun getah kerana mereka berkerja disana. Keadaan rumah mereka amat uzur dan sempit. Namun hal ini tidak mematahkan niat mereka untuk membantu Alias. Contoh Hamzah dan Deris wajar dicontohi yang prihatin akan seseorang tanpa mengira pangkat dan status sosial Alias. Hamzah dan Deris berupaya membantu Alias yang berada dalam keadaan yang meruncingkan setelah ditimpa masalah bertalu-talu. Novel ini memperlihatkan karya sebagai alat pendedahan persoalan remaja yang bertujuan mencari kebaikan yang boleh dijadikan teladan dan sempadan dalam kehidupan seperti dituntut oleh agama Islam.

Seterusnya pengkaji turut menemukan citra masyarakat prihatin di dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Prihatin mampu memancu kearah masyarakat yang bertimbang rasa dan penyayang. Setiap manusia perlulah menunjukkan nilai-nilai murni yang mencerminkan etika sebagai seorang mukmin yang sejati. Semua lapisan masyarakat sememangnya telah berperanan serta bertanggungjawab dalam menyebarkan kebaikan melalui pelbagai cara. Keprihatinan perlulah ditonjolkan dan dipupuk sifat empati dalam diri untuk membantu mereka yang dalam kesusahan sekadar yang termampu. Jaga hubungan sesama manusia dan berikan hak mereka sebaiknya. Jelas pada watak Azie Raihana yang bersepatat dengan adik beradiknya untuk memberikan hadiah kepada ayahnya yang diberi watak Borhan sempena hari bapa. Keluarga Azie baru sahaja kematian ibunya yang diberi watak Rosiah. Hadiah yang diberikan kepada Borhan sedikit sebanyak mampu mengukir senyuman yang kian luntur disebabkan masih berduka atas kematian Rosiah.

#### Petikan 8

“Sepatu itu...sepatu ayah, kami belikan khas untuk ayah. Selamat Hari Bapa, ayah,”beritahuku kepada ayah sambal mencium pipinya.  
(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 8 menjelaskan bahawa Azie sangat prihatin akan bapanya yang masih lagi berduka akan kematian isteri. Kematian Rosiah telah mengubah kehidupan keluarga Azie. Tiada lagi tempat untuk Azie dan adik beradiknya mengadu kasih melainkan dengan bapanya. Oleh yang demikian Azie mengambil langkah untuk memberi kejutan dan hadiah kepada ayahnya sempena Hari Bapa. Azie dan adik beradiknya amat prihatin terhadap kehidupan ayahnya dan berupaya semampu mungkin untuk menceriakan kembali hidupnya yang bagaikan sudah jatuh ditimpa tangga. Sudahlah baru sahaja ditinggal isteri, tanggungjawab membesarkan anak juga terpaksa Borhan pikul

sendiri. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Azie dan adik beradiknya wajar dicontohi dan dipraktikkan dalam masyarakat agar keharmonian dan kestabilan dalam institusi kekeluargaan terus utuh. Jelaslah bahawa kehidupan remaja merupakan cerminan dalam menilai sesuatu masyarakat yang memaparkan sisi gelap dan sisi baik dan diyakini mampu menjadikan sebagai tauladan.

Selain itu, citra masyarakat prihatin turut diperlihatkan menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Menerusi watak Arey yang prihatin akan kesusahan yang ditanggung oleh ibunya yang diberi watak Miah. Miah ditinggalkan oleh suaminya setelah berlaku pertelingkahan setelah Miah menemukan benda haram di dalam poket seluar Haizan. Miah menggesa Haizan untuk meninggalkan kegiatan terkutuknya itu namun tidak diendahkan Haizan lalu berlalu pergi tanpa meninggalkan pesan dan bekal buat mereka sekeluarga. Miah terpaksa memikul tanggungjawab sebagai ketua keluarga setelah kejadian tersebut. Arey dan adik-adiknya amat prihatin akan nasib ibu dan keluarga mereka.

#### Petikan 9

'Aku sendiri kena usaha mencari wang perbelanjaan tu. Kesian ibu kalau aku terus minta bulat-bulat wang perbelanjaan itu. Aku tidak mahu ibu susah hati.' getus hati kecilku.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 9 jelas menunjukkan keprihatinan Arey akan ibunya yang terpaksa memikul beban keluarga sendirian selepas ditinggalkan suaminya. Arey mengambil langkah untuk meringankan beban ibunya dengan berusaha untuk mengumpul sendiri wang perbelanjaan bagi menyambung pengajiannya. Arey merupakan anak sulung dalam keluarga tersebut dan wajar sikap keprihatinan ditunjukkan oleh Arey sebagai contoh untuk

adik-adiknya. Arey merasakan beban ibunya sudah tidak bertanggung lagi semenjak kepergian ayahnya. Oleh yang demikian Arey memasang niat untuk mencari wang dengan usahanya tanpa membebankan ibunya lagi. Keprihatinan sosial perlu dititik beratkan oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira bangsa dan agama. Setiap individu seharusnya tidak memandang enteng terhadap isu semasa yang berlaku dalam dan luar negara kerana kita saling memerlukan antara satu sama lain. Pepatah Melayu ada menyebut “Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.” Jelaslah melalui petikan diatas Pendekatan Kemasyarakatan dianggap alat pendedahan kepada segala persoalan yang wujud dan bertujuan mencari kebaikan serta keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam.

#### 4.2.4 Citra Masyarakat Pembersih

Pembersih menurut *Kamus Dewan* (2010:172) ialah orang yang suka dan sentiasa menjaga kebersihan. Menurut Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusry Che Ngah & Nasir Nayan (2012) kelestarian alam pada hari ini, haruslah diselenggara serta dijaga dengan baik agar dapat diwariskan kepada generasi yang mendatang. Budaya mementingkan kebersihan perlu dipupuk sejak dari kecil lagi agar dapat melahirkan masyarakat yang pembersih. Menurut Rohana Othman, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail (2013) pelbagai program yang telah dijalankan oleh pihak kerajaan masih tidak mampu mengekang permasalahan berkaitan dengan kelestarian alam. Khairul Azhar Meerangani (2018) menyatakan penggunaan yang efisien terhadap sumber alam mampu menjamin kestabilan dan keseimbangan alam sekitar. Agama Islam amat mementingkan perihal kebersihan dan kesihatan diri. Oleh yang demikian, agama Islam amat menekankan mengenai mengawal tahap kebersihan yang tinggi dalam mewujudkan persekitaran yang bersih. Kebersihan merupakan asas yang perlu dijaga sebagaimana

yang dituntut oleh ajaran Islam dan ajaran-ajaran lain. Ini telah dinyatakan dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: "Dari Abu Malik al-As'hari berkata: Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Kebersihan itu sebahagian daripada iman." Riwayat Imam Muslim. Jelaslah bahawa menjaga kebersihan merupakan asas utama dalam pembentukan mukmin yang sejati dan sekaligus memupuk keharmonian di dalam kehidupan seharian.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dimana pengarang cuba menerapkan citra masyarakat pembersih melalui watak-watak yang terkandung dalam novel dimana kebersihan amat dititikberatkan walaupun dalam keadaan rumah yang sempit dan uzur. Citra masyarakat pembersih dipercayai mampu dijadikan pengajaran dan ikutan buat generasi masa kini agar menghargai kebersihan dan hidup dengan selesa dan sihat tanpa sebarang penyakit berbahaya.

Petikan 10

"Assalamualaikum!" Aku yang sedang menyapu di ruang tamu terdengar suara di muka pintu rumah.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 10 menjelaskan bahawa watak Alias yang ringan tulang dan suka akan kebersihan menolong ibunya Puan Ramlah mengemas rumah. Walaupun Alias lelaki namun itu tidak menghalang dia untuk memastikan keadaan rumahnya dalam keadaan bersih selalu. Alias telah diajar dari kecil lagi tentang kepentingan kebersihan dalam kehidupan seharian oleh ibu bapanya. Pada pandangan Alias rumah yang bersih akan melahirkan keluarga yang sihat sejahtera. Kebersihan menjadikan kita insan yang lebih peka akan keadaan sekeliling dan hal ini perlu diterapkan dalam diri generasi kini agar masyarakat bebas dari penyakit yang berbahaya.

Seterusnya, citra masyarakat pembersih turut diperlihatkan di dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Tahap kebersihan yang tinggi wajar dipupuk sejak kecil lagi agar kehidupan bermasyarakat lebih harmoni. Sebagai contoh, jika halaman rumah kita bersih dan selesa untuk didiami maka jiran kita juga akan menerima kesan yang baik dan perhubungan dua hala akan menjadi lebih baik. Azie dan adik beradiknya amat mementingkan kebersihan di dalam rumah kerana mereka menerima didikan awal dari ibu bapa mereka. Kehidupan mereka yang sederhana tidak menghalang mereka untuk mengekalkan kebersihan di dalam dan luar rumah.

Petikan 11

Aku dan Kak Ida menolong Mak Ana mengemas pinggan dan mangkuk di dapur. Ayu dan Yana pula mengemas tempat tidur di dalam bilik arwah ibu dahulu.

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 11 menjelaskan bahawa watak Azie dan Kak Ida menolong emak saudaranya iaitu Mak Ana mengemas di dapur. Azie sekeluarga baru sahaja kematian ibunya kerana menghidap barah payudara. Azie sekeluarga telah diterapkan sikap pembersih sejak dari kecil lagi oleh ibu dan bapanya. Adik Azie iaitu Ayu dan Yana juga ringan tulang membantu mengemaskan tempat tidur arwah ibunya dahulu. Jelaslah bahawa menjaga kebersihan merupakan sifat terpuji dan patut dipraktikkan dalam kehidupan seharian agar mendapat hidup yang lebih baik dan hubungan antara masyarakat juga terjaga. Kebersihan merupakan tunjang dalam mengeratkan hubungan sesama manusia mahupun ciptaan Tuhan yang lain. Segala kisah yang menjadi tatapan ini mampu dijadikan pengajaran bagi mengelakkan ianya terjadi dalam kalangan masyarakat.



Selain itu, menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin turut diperlihatkan citra masyarakat pembersih. Arey sememangnya diterapkan sifat pembersih oleh ibunya dari kecil lagi. Watak Arey juga yang sememangnya lemah lembut dan ringan tulang membantu ibunya. Arey merupakan anak sulung dalam keluarganya dan sememangnya wajar Arey mempunyai sifat terpuji ini sebagai pedoman buat adik perempuannya iaitu Juju, Ayun, Daya dan Afey.

Petikan 12

Sekembalinya aku dari rumah Hakimi petang tadi, aku terus membantu ibu membersihkan halaman rumah. Nampak sangat halaman rumah yang dihiasi dengan pelbagai jenis bunga-bunga ibu itu, kini dipenuhi rumput serta daun-daun kering. Namun, kerja membersihkan halaman rumah tidakku lakukan berseorangan sebaliknya Juju, Ayun, Daya dan Afey turut sama membantuku.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 12 menjelaskan bahawa keluarga Arey sememangnya mempunyai sikap yang pembersih kerana mereka akan berkerjasama membersihkan halaman rumah dan didalam rumah. Sikap terpuji ini diterapkan oleh ibunya Miah sejak mereka kecil lagi. Bagi Miah walaupun rumah mereka sempit dan uzur namun jika dijaga dan dibersihkan dengan baik akan memberikan keselesaan buat mereka sekeluarga diami. Manusia lebih menyukai akan sesuatu yang bersih dan seboleh mungkin menghidari daripada perkara yang kotor kerana dibimbangi akan menyebarkan penyakit berjangkit. Penerapan amalan kebersihan ini mampu menjadi ikutan dan contoh kepada masyarakat sekeliling. Tambahan lagi, dengan amalan menjaga kebersihan mampu mencegah diri dari terkena penyakit yang berjangkit. Oleh itu secara jelas bahawa petikan diatas sememangnya berhubung kait dengan Pendekatan Kemasyarakatan iaitu untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam.

#### 4.2.5 Citra Masyarakat Berani

Menurut *Kamus Dewan* (2015:167) berani membawa erti tabah menghadapi bahaya. Menurut Tajul Ariffin Nordin & Noraini Dan (1992:33), keberanian didefinisikan sebagai cabaran yang ditempuhi oleh seseorang individu dengan rela hati dan percaya diri. Nilai berani ini sewajarnya dipupuk dalam diri setiap insan agar perjalanan hidup lebih teguh dan tersusun. Norita Arifin (2006:119) menyatakan berani merupakan kemandirian seseorang individu dalam menempuhi ranjau dengan keyakinan yang memuncak serta sanggup menerima kritikan. Setiap insan perlulah mempunyai pemikiran yang matang dan profesional dalam kehidupan agar mampu memandu ke arah kehidupan yang positif. Selain itu, seseorang individu dapat menilai keberanian diri apabila meletakkan nilai pencapaian untuk membentuk diri ke arah yang lebih baik dan sanggup mengetepikan segala kesusahan demi mencapai sesuatu kejayaan yang hakiki. Nilai keberanian dapat dikenalpasti melalui beberapa aspek seperti tidak terburu-buru dalam menilai, berani kerana yakin akan sesuatu perkara dan berani dalam mengambil tugas yang diberikan (Tajul Arifin Nordin & Nor'Aini Dan, 1992:33).

Amalan turun temurun yang telah dijalankan oleh masyarakat terdahulu apabila bayi lahir diazankan bagi bayi lelaki serta diiqamatkan bagi bayi perempuan untuk meningkatkan keberanian di dalam jiwa bayi tersebut. Bukan itu sahaja, azan yang dilaungkan merupakan penguat serta pengikat bagi menghalang anasir-anasir luar dari mengganggu fikiran dan jiwa umat manusia sekaligus membentuk keberanian dalam kehidupan seharian. Keberanian perlulah dipupuk semenjak kecil lagi supaya daya tahan dan daya fikir akan menjadi lebih mantap. Nilai berani ini ada ditonjolkan oleh pengarang dalam watak dan perwatakan dalam novel yang dikaji.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dapat dilihat citra masyarakat berani dalam setiap watak yang diketengahkan. Nilai berani memerlukan masa untuk disemai di dalam diri seseorang individu. Hadamkan sesuatu tujuan itu dengan jelas dalam sanubari dan ia akan mengubah seseorang individu menjadi seorang yang lebih berani.

Petikan 13

Kami mengangguk setuju. Kemudian Hamzah bangun dan bersalaman dengan Deris. Aku juga mengikuti langkah Hamzah dan turut serta bersalaman dan memeluknya. Nampaknya semangat ingin bebas daripada cengkaman penjajah amat menebal di jiwa anak muda ini.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 13 menjelaskan bahawa keberanian yang ditunjukkan oleh Deris dan Hamzah untuk berjuang menyelamatkan negara dari tangan penjajah. Mereka bersepakat menaiki kereta api untuk sama-sama menyertai kongres di Kuala Lumpur. Sepanjang perjalanan mereka terdapat banyak halangan dan cabaran terpaksa mereka hadapi. Namun halangan tersebut mampu dipatahkan dengan keberanian yang memuncak dalam diri mereka. Mereka beranggapan bahawa sudah tiba masanya untuk Malaysia bebas dari penjajah. Sebegitu tinggi sekali keberanian yang ditunjukkan oleh anak muda supaya tidak lagi dibelenggu oleh campur tangan penjajah. Kehidupan mereka menjadi kucar kacir dan diperhambakan oleh penjajah.

Seterusnya, pengkaji turut menemui citra masyarakat berani menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Watak Kak Ida yang cukup berani mengambil keputusan berhenti sekolah untuk menjaga adik-adiknya selepas kematian ibunya. Kak Ida mengambil keputusan tersebut kerana ingin berkorban untuk kebahagiaan keluarganya. Semenjak kematian ibunya, adik-adik Azie sedikit terabai kerana tidak mendapat perhatian yang secukupnya.

Petikan 14

“Azie, masa depan ada di mana-mana. Kita yang memilihnya dan kita yang mencorakkannya. Jadi kita akan berusaha. Masa depan Kak Ida dengan kalian semua dan Kak Ida akan berusaha untuk membahagiakan kalian sebab itulah masa depan yang Kak Ida pilih.”

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 14 menjelaskan bahawa keberanian Kak Ida dalam melakukan keputusan yang melibatkan masa depan. Kak Ida terpaksa berkorban akan masa depannya untuk menjaga adik-adiknya yang masih kecil. Kak Ida yang hanya beberapa bulan lagi akan menghadapi peperiksaan STPM terpaksa berhenti sekolah kerana memikirkan akan kebajikan adik-adiknya. Keputusan berani Kak Ida wajar dipuji kerana sanggup berkorban untuk keluarga tercinta. Kak Ida hanya mampu memanjatkan doa agar dipermudahkan urusan serta dilapangkan dada supaya mampu menempuhi kehidupan yang kian mendesak setelah kematian ibunya. Kak Ida merupakan anak sulung dalam keluarga tersebut dan sudah menjadi tanggungjawab Kak Ida untuk menjaga adiknya yang masih kecil setelah kematian ibunya. Jelaslah bahawa keberanian perlu dipupuk dalam diri seseorang individu agar keputusan yang diambil tepat dan tidak memberi kesan kepada orang lain.

Selain itu, citra masyarakat berani turut dijumpai menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Menerusi watak Arey yang merupakan anak sulung hasil perkongsian hidup Miah dan Haizan. Arey sememangnya anak muda yang berani mengambil risiko untuk mendapatkan wang bagi menyambung pengajiannya di Kolej Sains Kesihatan Bersekutu di Bukit Padang. Arey berani mengambil risiko dan akan berusaha sedaya upaya untuk tidak membebankan ibunya. Ibu Arey terpaksa membanting tulang seorang diri setelah ditinggalkan oleh suaminya Haizan setelah berlaku perkelahian. Oleh yang demikian Arey sebagai anak sulung lelaki yang memiliki

keberanian yang tinggi berusaha untuk tidak membebankan ibunya kerana Arey tahu ibunya sudah cukup susah untuk memberi makan Arey dan adik-adiknya.

Petikan 15

“Oh... tidak. Apa pun yang bakal berlaku, apa pun yang harus aku hadapi kelak, aku tidak boleh berputus asa. Aku kena mencari ikhtiar, berusaha dan bertawakal untuk mencari wang ataupun ‘DUIT’. Ya....Doa, Usaha, Ikhtiar, Tawakal. DUIT,’ getusku dalam hati, mencari kekuatan diri dan semangat.”

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 15 menjelaskan mengenai keberanian Arey dalam membuat keputusan untuk berusaha mendapatkan duit tanpa menyusahkan ibunya. Keluarga Arey bukanlah dari keluarga yang senang. Ibu Arey hanya berkerja sebagai tukang jahit manakala ayah Arey meninggalkan mereka sewaktu Arey berusia 12 tahun. Arey telah dipupuk keberanian dalam diri setelah banyak mengharungi cabaran dan rintangan dalam kehidupannya. Pengalaman menjadikan Arey lebih yakin dan berani untuk mencipta ruang dan peluang dalam kehidupan. Kehidupan ini tidak dapat dipisahkan dari menerima ujian. Namun begitu perbezaan yang sering diperlihatkan adalah bagaimana seseorang itu menerima ujian dengan sepenuh hati ataupun lebih mengeluh dengan apa yang ditimpa. Jelaslah bahawa menerusi pendekatan yang diketengahkan mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

#### 4.2.6 Citra Masyarakat Beradab

Menurut *Kamus Dewan* (2015:7) adab atau beradab bermaksud mempunyai atau menunjukkan adab, berbudi bahasa dan bersopan. Menurut Abdul Majid & Andayani (2011:58) yang berkaitan dengan pendidikan watak dan perwatakan, dalam Islam itu sendiri mempunyai tiga nilai utama, iaitu akhlak, adab dan teladan.

Memandangkan pentingnya adab dalam kehidupan, bahkan perkara terkecil mempunyai peraturan tersendiri (Zainuddin Ali, 2011:32-33). Kita sewajarnya menyemat dalam hati supaya beradab dengan semua manusia tanpa mengira agama, bangsa dan Negara. Nilai adab dalam segala macam hal merupakan kunci dalam mengeratkan tali silaturahmi antara insan. Perkara yang paling penting bagi guru adalah menanamkan adab kepada anak/pelajar. Hal ini demikian kerana zuriat adalah anugerah yang seharusnya disyukuri dan dijaga sempurna agar mampu memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara dan khususnya mengembirakan kedua ibu bapa (Abdullah Nasih Ulwan, 2002). Adab juga saling berkait dengan akhlak dan Baginda SAW pernah mengungkapkan melalui Sabdanya mafhum, “sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak”. Baginda SAW yang dididik oleh Allah SWT, diperadabkan oleh Allah SWT pastinya memiliki akhlak yang mulia dan terpuji sepertimana pengiktirafan yang diberikan Allah SWT sendiri dalam FirmanNya, mafhum: “sesungguhnya kamu memiliki akhlak yang agung” (Surah al-Qalam: 4).

Citra masyarakat beradab merupakan tunjang terhadap pembentukan sesebuah masyarakat yang harmoni. Menerusi karya sastera pengarang telah menerapkan sifat beradab dalam setiap watak yang dipertunjukkan. Menerusi novel yang dikaji turut banyak memperlihatkan sifat watak yang beradab dalam setiap perbuatan dan pertuturan yang mempunyai nilai-nilai kerohanian yang terpuji. Seperti mana yang ditegaskan dalam novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani banyak menerapkan sifat beradab dalam karya yang dihasilkan untuk menjelaskan tentang perwatakan seseorang yang beradab seharusnya menjadi contoh dan pedoman terhadap pembentukan masyarakat yang damai.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani yang menerapkan citra masyarakat beradab dalam watak yang diketengahkan menjadikan jalan cerita lebih jelas dan mempunyai nilai pengajaran. Beradab tidak semestinya pada perbuatan namun ianya meliputi pertuturan sesama manusia. Jika mahu diperlakukan dengan baik, maka haruslah dipertunjukkan cara beradab dengan betul. Menerusi novel ini memperlihatkan watak Alias yang beradab terhadap Hamzah dan Deris yang banyak membantu dirinya untuk meneruskan kehidupan setelah Alias tersesat dalam perjalanan ke rumah atuknya di Segamat.

Petikan 16

“Terima kasih kalian. Aku tidak pernah berasa ikatan persahabatan sebegini rupa. Aku berjanji akan membalas jasa kalian nanti.”

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 16 menjelaskan Alias yang beradab dalam perhubungan dengan Hamzah dan Deris. Alias merupakan seorang anak muda yang cuba melarikan diri dari rumah kerana marah akan ayah dan ibunya yang tidak membawa Alias untuk pulang ke kampung menemui datuknya. Alias telah ditemukan oleh Hamzah di tepi parit dan dibawa pulang ke rumah Hamzah untuk dirawat dan diberikan rehat. Alias berasa bersyukur atas khidmat penjagaan Hamzah dan Deris. Sebagai seorang insan yang beradab Alias telah berterima kasih kepada mereka dan berjanji akan membalas jasa baik mereka. Jelaslah bahawa sifat beradab perlu dipraktikkan agar kehidupan kita disenangi dan disayangi oleh masyarakat sekeliling.

Seterusnya, pengkaji turut menemukan citra masyarakat beradab menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Watak Borhan yang mengajarkan anak-anaknya cara beradab apabila sedang makan dengan tidak bercakap dan membuat

bising. Borhan mengajarkan supaya beradab dan menghormati rezeki yang berada di depan mereka. Makanan dan minuman merupakan asas yang penting untuk meneruskan kehidupan. Di dalam pemilihan haruslah mempunyai makanan yang berkhasiat dan tidak memudaratkan kesihatan serta mempunyai adab-adab yang telah disarankan dalam ajaran Islam. Amalan beradab ini mampu mencegah daripada sifat yang terkeji terhadap rezeki yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T. Ibu bapa seharusnya memupuk anak-anak beradab dihadapan rezeki untuk mengelakkan sifat yang tercela.

Petikan 17

Malam itu, kami makan malam beramai-ramai. Suasana di rumah kayu sepi, seperti sesepi malam yang berlalu. Tambahan pula memang sejak dulu lagi, kami diajar oleh ayah agar tidak banyak bercakap semasa makan, terutamanya sewaktu makan malam. Kata ayah, itu amalan syaitan dan bukanlah sikap yang terpuji.

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 17 menjelaskan tentang adab sewaktu makan yang ditekankan oleh Borhan kepada anak-anaknya. Borhan menekankan adab ini sewaktu mereka masih kecil lagi agar mereka mampu menjadi orang yang beradab dalam apa jua keadaan. Orang yang beradab akan dipandang tinggi oleh masyarakat dan mampu menjadi pengajaran buat masyarakat. Kehidupan yang beradab seharusnya disemai dalam kehidupan bermasyarakat agar kehidupan lebih tenang. Jelaslah bahawa adab semasa makan dapat memberikan kehidupan yang penuh hikmah dan sentiasa diberkati agar dimudahkan rezeki dan hal ini bertepatan dengan pendekatan kemasyarakatan yang dianggap sebagai alat pendedahan mampu merungkai segala persoalan membangkitkan kebaikan serta keadilan dalam masyarakat.



Selain itu, citra masyarakat beradab turut dijumpai menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Watak Miah yang menyapa dan menghidangkan minuman dan makanan kepada kawan anaknya yang diberi watak Hakimi. Hakimi datang berkunjung ke rumah Arey setelah baru pulang dari Sandakan untuk menemani kakaknya. Sikap beradab yang ditunjukkan oleh Arey dan ibunya dalam menerima dan melayan tetamu wajar dijadikan contoh agar perhubungan yang tercipta kekal erat buat selamanya.

Petikan 18

“Bah, kamu berdua minumlah, mak cik masuk dalam dulu ya...,” ujar ibu dengan nada lembut sambil meletakkan dulang yang berwarna merah itu ke atas meja.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 18 menjelaskan watak Miah yang beradab dalam menerima tetamu. Miah melayani tetamu dengan cukup beradab dan tertib kerana dia telah diajar oleh ibu bapanya untuk beradab dalam apa jua keadaan sekalipun. Beradab merupakan sifat terpuji dan akan menjadikan diri disenangi oleh orang sekeliling. Miah juga menyediakan kopi panas dan pisang goreng untuk Hakimi yang datang menjenguk anaknya Arey. Hal ini menjadikan Hakimi senang dan tidak segan untuk berkunjung selalu ke rumah Arey. Adab melayan tetamu yang ditunjukkan oleh Miah dipercayai mampu dijadikan ikutan oleh Arey dan Hakimi pada masa hadapan. Kehidupan tanpa adab akan menjadi kucar kacir dan tidak mencerminkan masyarakat Melayu yang tinggi adabnya. Pelbagai pihak seharusnya memainkan peranan agar mampu membentuk masyarakat yang beradab serta bertatasusila yang diamalkan daripada pelbagai sudut. Jelaslah dengan mempraktikkan cara beradab dengan betul mampu memberi cerminan yang positif terhadap agama Islam serta memandang tinggi kepada individu tersebut.

#### 4.2.7 Citra Masyarakat Bersyukur

Menurut *Kamus Dewan* (2015:1560) syukur bermaksud tidak dapat digambarkan lagi kesukaan. Seligman (2005) mendefinisikan bersyukur ialah satu perbuatan yang mulia dan sentiasa berterima kasih diatas kurniaan rezeki. Menurut Sheldon & Sonja (2006) bersyukur dapat mengurangi emosi negatif pada diri seseorang. Menurut McCullough, Emmons & Tsang (2002) mendefinisikan dengan bersyukur mampu menghalang diri dari sifat cemburu dan kemurungan. Sifat bersyukur merupakan sifat yang terpuji kerana hanya segelintir umat manusia yang menerima kurniaan daripada Allah SWT. Allah SWT berfirman: “Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-Ku yang bersyukur.” (As-Saba’:13). Sebagaimana yang telah dijanjikan manusia yang bersyukur pasti akan ditambah nikmatnya. Tambahan lagi dengan bersyukur akan mendapat ganjaran dan dipermudahkan segala urusan. Disamping itu, individu yang tidak bersyukur boleh dikelaskan sebagai insan yang kufur nikmat. Hal ini demikian kerana mereka merasakan tidak pernah cukup dan tamak akan rezeki yang telah ditetapkan Allah SWT.

Sifat bersyukur merupakan tunjang akan pembentukan masyarakat yang harmoni kerana dengan kita mensyukuri segala pemberian dari Allah SWT ataupun dari masyarakat kehidupan akan sentiasa dipermudahkan dan akan lebih menghargai akan sesuatu perkara. Hal ini akan menjadikan perhubungan manusia dengan Allah SWT dan perhubungan sesama manusia diredai dan dirahmati sentiasa. Justeru itu, setiap hamba haruslah mempunyai sifat syukur yang tinggi supaya kehidupan akan diredhai dan diberkati sentiasa.

Menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani dapat dilihat citra masyarakat bersyukur dengan mengetengahkan watak-watak yang tidak putus mensyukuri nikmat Allah SWT dan pertolongan dari sesama insan. Watak yang diketengahkan mampu dijadikan contoh dan cerminan orang mukmin yang sejati kerana dengan bersyukur Allah SWT akan melipat gandakan lagi rezeki dan kehidupan juga akan dipermudahkan. Kebiasaannya dapat dilihat ujian yang menimpa kepada masyarakat seperti musibah yang melanda dan juga masalah yang mendatang merupakan hikmah dan kayu ukur untuk mengetahui tahap bersyukur yang dimiliki oleh seseorang insan.

Petikan 19

Aku tidak mampu mengiaknya dengan kata-kata. Setelah aku tersisih daripada kasih sayang keluargaku, tiada sesiapa pernah berkata seikhlas begini kepadaku. “Terima kasih Hamzah, terima kasih Deris.” Ada air bertakung dihujung mataku. Kutahan daripada jatuh kerana sikap kelakianku. Aku hanya mampu mengangguk-angguk tanda setuju dengan kata-kata Hamzah.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 19 menjelaskan rasa bersyukur Alias terhadap nikmat dan pemberian Allah SWT kerana menemukan Alias dengan Hamzah dan Deris yang sememangnya mengambil berat akan kehidupan Alias. Alias bersyukur kerana Hamzah dan Deris sudi membantunya taktala Alias menganggap tiada sesiapa lagi yang sudi menolong dan memberikan kasih sayang tak ubah seperti keluarga sendiri. Sikap terpuji Alias yang sentiasa mensyukuri dan menghargai pemberian Allah SWT dan pertolongan Hamzah dan Deris sewajarnya dicontohi dan diambil pengajaran kerana dengan bersyukur akan menambahkan lagi rezeki dan nescaya akan dipermudahkan urusan. Dengan bersyukur juga mampu menepis kegusaran, sentiasa berfikiran positif, dan menghindari sifat yang terkeji serta tercela. Hal ini akan menjadikan kehidupan lebih

tenang tanpa sebarang anasir jahat yang cuba menghasut. Jelaslah dengan bersyukur dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan sekaligus dipermudahkan urusan seharian.

Seterusnya, citra masyarakat bersyukur turut ditemukan dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah. Menerusi penulisan novel *Bening Mata Seorang Dia* pengarang cuba menyampaikan sikap bersyukur seorang bapa yang dikelilingi oleh anak-anak yang cakna dan prihatin akan dirinya. Sikap bersyukur seorang bapa melebihi segalanya kerana kini tanggungjawabnya kian mencabar setelah kematian isteri. Insan yang bersyukur merupakan insan yang tenang menerima takdir dan ketentuan dari pencipta. Watak bapa yang bersyukur akan kehendak Allah SWT dan syukur kerana anak-anaknya masih lagi ada untuk menyayangi dan memberikan perhatian kepada si bapa.

Petikan 20

“Terima kasih, ayah sayang kamu semua.” Ayah terus membuka bungkusan yang dihulurkan.

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 20 menjelaskan rasa bersyukur Borhan terhadap rezeki dan nikmat yang diberikan oleh Allah SWT dengan menghadirkan kepadanya anak-anak yang menyayangi serta membuat kejutan hari bapa kepadanya. Borhan amat bersyukur kerana setelah kematian isteri, anak-anak merupakan tunjang bagi kehidupannya sehari-hari. Anak-anak Borhan menerima didikan yang baik semenjak kecil lagi dan telah menerapkan sikap bersyukur dalam hidup mereka. Hal ini menjadikan mereka lebih bersyukur dalam kehidupan dan sentiasa melakukan yang terbaik buat keluarga. Sikap bersyukur itu perlu dididik agar hati menjadi tenang dan lapang. Oleh yang demikian, kehidupan akan menjadi tenang dan terhindar dari malapetaka yang cuba menimpa hidup ini. Keluarga merupakan

insan yang sentiasa ada disisi walau apa jua keadaan sekali pun. Sebagai ketua keluarga seharusnya bertanggungjawab untuk terus menjamin keharmonian dan kesejahteraan ahli keluarga. Institusi kekeluargaan yang harmoni merupakan satu kurniaan rezeki dan patut disyukuri kerana keluarga adalah segala-galanya dalam hidup ini. Keluarga yang harmoni memancu kearah masyarakat yang sejahtera.

Selain itu, citra masyarakat bersyukur turut dijumpai menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Pengarang banyak menerapkan citra masyarakat bersyukur dalam hasil karyanya di mana citra masyarakat bersyukur merupakan tunjang akan pembinaan masyarakat yang bertoleransi. Sikap sentiasa bersyukur akan menjadikan kehidupan bahagia dan disenangi oleh masyarakat sekeliling. Hal ini demikian kerana, insan yang bersyukur akan mudah bergaul dengan orang sekeliling kerana dalam dirinya tidak mempunyai sifat sombong dan mendabik dada.

Petikan 21

Namun, semua sebab-musabab itu tidak pula menjadi alasan untukku membenci mahupun memperkecilkan ayah. Bagiku ayah tetap seorang wira dihatiku, Cuma ayah sahaja tersilap langkah yang akhirnya menjerumuskannya ke lembah yang hina itu. Namun aku pasti dengan nikmat Allah yang datang selepas sesuatu musibah itu berlaku. Tidak ubah seperti pelangi yang muncul selepas hujan turun mencurah.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 21 menjelaskan watak Arey yang sentiasa bersyukur dalam kehidupan dan menganggap semuanya yang berlaku pasti ada hikmahnya. Arey juga tidak menyalahkan takdir mengapa ayahnya pergi meninggalkan mereka sekeluarga tetapi menganggap bahawa ayahnya tersilap langkah kerana telah terjerumus ke lembah yang hina iaitu mengambil dadah pengaruh dari rakan-rakannya. Arey percaya jika selalu mensyukuri nikmat maka Allah akan mengurniakan rezeki yang tidak pernah disangka-

sangka bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Arey sememangnya mempunyai sikap bersyukur yang tinggi kerana telah diterapkan oleh ibunya semenjak kecil walaupun hidup keluarga mereka tidaklah sesenang mana jika dibandingkan dengan kawan Arey iaitu Hakimi. Kemiskinan bukan bererti kurangnya sikap syukur dalam diri malahan menjadikan seseorang itulah lebih menghargai apa yang dimiliki dan tidak pernah menyalahkan takdir kemiskinan menimpa diri. Jelaslah karya sastera merupakan satu medium atau dalam bentuk pendedahan bertujuan merungkai permasalahan dan penyelesaian terhadap golongan remaja.

#### 4.2.8 Citra Masyarakat Baik Hati

Menurut *Kamus Dewan* (2015:108) baik hati membawa pengertian suka menolong, mudah simpati dan pengasih. Baik hati merupakan sikap yang perlu diterapkan dalam diri masyarakat kini agar kesejahteraan hidup terus utuh. Tajul Arifin Nordin dan Nor'aini Dan (1992: 30) menjelaskan baik hati merupakan melakukan sesuatu perkara tanpa meminta balasan dan pujian. Baik hati merupakan sesuatu perkara yang mampu memberikan kepentingan kepada orang sekeliling mahupun persekitarannya menurut Norita Arifin (2006:69). Menurut Hashim Hj. Musa (2008: 70) baik hati merupakan sikap berbelas ihsan kepada orang lain, tidak mendatangkan musibah, menzalimi terhadap insan yang lemah dan tidak membalas perbuatan yang keji sebaliknya membalas dengan perbuatan yang lebih mulia. Dapat disimpulkan bahawa nilai baik hati merupakan satu nilai yang cukup murni dan diyakini mampu membawa perubahan ke arah masyarakat yang harmoni.

Menerusi sifat pemurah yang dapat dilihat dalam novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani melalui watak Hamzah dan Deris yang banyak menolong Alias yang hilang arah semenjak meninggalkan rumah setelah bertengkar dengan ayahnya. Hamzah dan Deris merupakan dua orang anak muda yang memiliki budi pekerti yang cukup kukuh dan mencerminkan masyarakat Melayu yang mementingkan agama dan budaya.

Petikan 22

“Duduklah. Mari kita minum dulu... sementara panas. Sedap ni!” Hamzah mengajak aku duduk bersama-samanya.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 22 menjelaskan watak Hamzah yang menawarkan Alias minuman untuk menenangkan dirinya yang masih dalam kesamaran setelah insiden yang menimpa Alias. Alias yang mengambil keputusan untuk meninggalkan rumah setelah menganggap dirinya tidak lagi disayangi oleh keluarga telah berdepan dengan peristiwa malang di pondok bas semasa Alias masih lagi berkira-kira untuk pulang ke Segamat untuk menemui datuknya yang telah lama terpisah dengan keluarganya. Namun, malang tidak berbau, semasa Alias duduk di pondok bas, Alias telah dikejar oleh dua lelaki yang cuba menyamun Alias. Alias cuba melarikan dan telah terjatuh di dalam parit dan pengsan. Hamzah yang baik hati telah membawa Alias pulang ke rumahnya untuk dirawat dan memberi pertolongan semampu mungkin untuk Alias yang sebangsa dengannya. Nilai baik hati yang ditunjukkan oleh Hamzah sememangnya telah menyuntik jiwa masyarakat agar terus menolong apabila melihat insan yang dalam kesusahan. Jelaslah bahawa menerusi pendekatan yang diketengahkan mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu sememangnya telah diterapkan nilai baik hati sejak kecil lagi agar perhubungan lebih erat.

Seterusnya, citra masyarakat baik hati melalui sifat belas kasihan dapat dilihat menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah melalui watak Kak Ida yang belas kasihan akan adiknya Azie yang ingin mengikuti Bengkel Penulisan Hujung Minggu, DBP Wilayah Timur. Perasaan belas kasihan wujud dalam diri Kak Ida kerana adiknya Azie bersungguh-sungguh memujuk dirinya untuk mengizinkan pergi ke bengkel penulisan tersebut.

Petikan 23

“Azie, bukan Kak Ida tak bagi pergi, tapi jangan pergi sendiri ya. Ajaklah kawan-kawan, barulah Kak Ida bagi Azie pergi.”

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 23 menjelaskan nilai baik hati melalui sifat belas kasihan yang terjadi diantara seorang kakak dan adiknya. Sifat belas kasihan perlu disemaikan dalam pergaulan seharian sesama insan agar dapat memupuk perasaan yang damai dalam diri. Sifat terpuji ini menjadikan seseorang insan merasakan belas kasihan akan kesusahan yang menimpa saudaranya ataupun masyarakat sekeliling. Watak Kak Ida selaku kakak yang sulung dalam keluarga Azie merasakan belas kasihan akan nasib adiknya Azie yang teruja dan bersemangat untuk menyertai bengkel penulisan tersebut. Kak Ida tidak sampai hati untuk tidak membenarkan Azie menyertainya namun Kak Ida meletakkan syarat supaya Azie pergi bersama kawan agar keselamatan dirinya lebih terjamin. Jelaslah watak Kak Ida yang belas kasihan akan nasib adiknya yang mula berminat untuk menjuruskan diri dalam bidang penulisan setelah kematian ibu mereka. Cikgu Fazlee yang merupakan guru Azie memberitahu dengan membaca dapat membuatkan diri lupa akan kesengsaraan dan dapat membuatkan minda berjalan. Oleh yang demikian, Azie lebih bersemangat untuk menyertai bengkel tersebut yang akan menjadi titik tolak ke arah masa depannya untuk menjadi seorang penulis sekaligus melupakan derita yang dihadapinya



sebelum ini. Jelaslah bahawa menerusi Teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

Selain itu, citra masyarakat baik hati melalui sifat pemaaf turut ditemukan menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin melalui watak seorang anak yang sentiasa memaafkan ayahnya walaupun tindakan ayahnya telah mengakibatkan sengsara buat keluarga. Watak ayah yang telah meninggalkan keluarganya setelah diketahui kegiatannya oleh isteri mengambil barang terlarang. Hal itu telah mengakibatkan berlaku pertelingkahan dan keputusan untuk meninggalkan rumah di ambil oleh watak ayah.

Petikan 24

‘Suatu saat sekiranya Allah mengizinkan, aku akan menziarahi pusara ayah. Tidak kiralah sejauh mana pun masyarakat menilai keburukan ayah, dia tetap ayahku. Dengan tangannya dia telah mengasuhku, dengan kudratnya dia telah menyuapkan nasi ke mulutku, dan dengan kasih sayangnya, aku lahir sebagai insan yang tahu menghargai,’ getusku dalam hati.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 24 menjelaskan watak Arey yang sentiasa memaafkan ayahnya Haizan yang telah tersilap langkah terjerumus ke lembah yang hina. Haizan merupakan seorang ayahnya baik namun setelah dirinya dikenalkan dengan dadah oleh kawan-kawannya sikap Haizan telah berubah menjadi seorang yang mudah marah. Keputusan Haizan meninggalkan rumah telah memberi kesan yang cukup besar oleh keluarganya dan individu yang paling terkesan ialah Miah isterinya. Miah terpaksa membanting tulang seorang diri untuk membesarkan anak-anaknya. Walaupun nasib Arey tidak sesenang rakan-rakannya disebabkan ketiadaan ayahnya namun Arey tidak pernah menyimpan dendam dan sentiasa memaafkan Haizan kerana Arey sedar insan yang banyak memberi

didikan dan membesarkan Arey adalah ayahnya. Oleh yang demikian, sifat pemaaf perlu disemai agar keharmonian dalam institusi kekeluargaan kekal terjamin. Sifat pemaaf sememangnya perlu ada dalam diri insan agar hati menjadi lebih tenang dan tidak mudah dihasut syaitan. Sifat pemaaf juga menjadikan hati lebih bersih dan menolak segala benda yang negatif dalam kehidupan. Jelaslah petikan diatas, menerusi teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

#### 4.2.9 Citra Masyarakat Taat

Menurut *Kamus Dewan* (2015) ketaatan membawa erti kepatuhan akan perintah dan tidak membelakangi suruhan Tuhan. Dr. Ali Abdul Halim Mahmud (1996:202) menyatakan taat kepada tiga perkara iaitu kepada Allah, Rasul dan *ulu al-amr* yang terdiri daripada para pemerintah, para ulama' dan setiap orang yang mempunyai kekuasaan dari kalangan manusia. Daripada Abdullah RA, daripada Nabi SAW bersabda: "Mendengar dan mentaati (pemerintah) adalah wajib bagi setiap Muslim, sama ada dalam perkara yang disukai ataupun yang tidak disukai selagi dia tidak diperintahkan melakukan kemaksiatan. Jika dia diperintahkan melakukan kemaksiatan, maka tidaklah (wajib) dia mendengar dan mentaati." (Mutta faqun Alaihy, hadith riwayat al-Bukhari: 7144, Muslim: 1839, Abu Dawud: 2626, At-Tirmizi: 1707). Setiap muslim haruslah taat kepada arahan ketua walaupun perkara tersebut tidak disukai yang mendorong ke arah kebaikan. Namun, jika arahan yang diberikan mendorong terhadap kelakuan yang tidak baik maka seharusnya untuk mengingkari arahan tersebut. Jelaslah, sikap mentaati perlu disemaikan di dalam diri seseorang insan agar kehidupan aman sejahtera.

Citra masyarakat taat dapat dilihat menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani melalui watak isteri yang amat mentaati suaminya. Setiap isteri wajib mentaati suaminya selagi tidak melanggar hukum syarak. Kedudukan suami dalam keluarga merupakan seorang pemimpin, dan agar keluarga terus harmoni pemimpin haruslah ditaati selagi mana tidak menjurus ke arah perbuatan maksiat. Kedudukan suami yang harus ditaati oleh isteri ada diceritakan oleh Rasulullah SAW melalui hadis riwayat Turmudzi yang bermaksud “*Seandainya aku boleh menyuruh seorang sujud kepada seseorang, maka aku akan perintahkan seorang wanita sujud kepada suaminya*”. (Hr.Turmudzi:1159). Keredaan suami merupakan keredaan bagi Allah SWT kerana isteri yang tidak mentaati suaminya dianggap sebagai wanita yang derhaka dan kufur nikmat sekaligus mendekati diri dengan neraka.

#### Petikan 25

Puan Ramlah mendekati suaminya. Dia bersalaman dengan Encik Iskandar dan mencium tangan suaminya itu.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 25 menjelaskan Puan Ramlah bersalaman dan mencium tangan suaminya Encik Iskandar kerana sifat taatnya kepada suami. Pengarang cuba menekankan watak Puan Ramlah yang menyambut kedatangan Encik Iskandar di hospital dengan bersalaman tanda hormat dan taat kepada suaminya. Hal ini bersesuaian dengan tanggungjawab isteri untuk mentaati suami selagi mana tidak melanggar syariat Islam. Rasulullah SAW bersabda “Apabila seorang isteri mengerjakan shalat yang lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, menjaga kemaluannya (menjaga kehormatannya), dan taat kepada suaminya, nescaya ia akan masuk Syurga dari pintu mana saja yang dikehendakinya”. (Hr. Ibnu Hibban: 1296). Hal ini dapat menjalinkan hubungan suami isteri yang lebih erat dan diredainya. Jelaslah petikan di atas, menerusi Teori Pengkaedahan

Melayu amat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

Seterusnya, citra masyarakat taat turut ditemukan di dalam novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah melalui watak seorang anak yang taat akan perintah ibubapa dan perintah Allah SWT. Sudah menjadi lumrah kehidupan anak-anak wajar mentaati perintah kedua ibu bapa selagi mana ia tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Rasullulah SAW berpesan kepada umat Islam agar terus mentaati kedua ibu bapa kerana disitu bermulanya keredaan Allah. Jelaslah bahawa sifat taat yang utuh dalam institusi kekeluargaan mampu memancu kearah keluarga yang bahagia.

Petikan 26

Sesudah memberikan salam, aku menadah doa, salah satu doa yang aku tidak lupa selepas solat adalah doa untuk kedua ibu bapa dan tujuh kali surah al-Fatihah untuk arwah ibu. Semoga arwah ibu akan bahagia dengan doa ikhlas seorang anak. Seorang anak yang amat mencintai ibunya.

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 26 menjelaskan watak Azie yang amat taat akan perintah Allah SWT dan perintah kedua ibu bapa. Azie merupakan anak hasil perkongsian hidup Borhan dan Rasiah. Watak Azie digambarkan sebagai anak yang baik hati dan amat taat akan perintah ibu bapa. Rasullulah SAW mengingatkan supaya mentaati dan membahagiakan kedua ibu bapa selagi mana masih lagi diberi peluang dan kesempatan kerana disitulah terletak kunci syurga. Oleh yang demikian seharusnya kita berusaha semampu mungkin untuk mentaati akan perintah mereka agar kehidupan menjadi terjamin dunia dan akhirat. Azie sentiasa mendoakan kesejahteraan buat kedua ibu bapa dan keluarganya walaupun ibunya telah pergi meninggalkan mereka sekeluarga kerana dijemput Ilahi. Seorang anak yang soleh wajar untuk mendoakan kesejahteraan kedua ibu bapa yang

masih hidup ataupun telah meninggal dunia kerana doa anak yang soleh merupakan syafaat buat orang tua yang telah dijemput Illahi. Allah SWT telah menfirmankan dalam al-Quran yang bermaksud: “Dan hendaklah kamu merendahkan diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): “Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencurahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidiku semasa kecil.” (Surah al-Isra, ayat 24). Petikan diatas, menerusi Teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu sebagai kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

Selain itu, citra masyarakat taat turut ditemukan menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin melalui watak seorang anak yang taat akan kedua ibu bapa. Sebagai seorang anak yang soleh perkara yang harus dilakukan adalah mengharumkan nama kedua orang tua dalam melakukan perkara yang baik serta tidak mencemarkan nama baik mereka. Seorang insan yang bergelar anak seharusnya mencari alternatif untuk membahagiakan kedua orang tua kerana ianya merupakan tuntutan dalam ajaran Islam. Jasa dan bakti ibu ayah sememangnya tidak dapat dinilai sama sekali. Pegangan agama telah mengajar dan mendidik sejak kecil lagi supaya mendahulukan kedua ibu bapa dalam segala hal kerana keberkatan hidup dan keredaan Allah bermula dengan keredaan yang diberikan ibu bapa.

Petikan 27

Setelah mendapat keizinan daripada Pak Cik Sasran dan Mak Cik Sabriana, aku dan Hakimi mula meredah terik matahari yang kian menggigit perit kulit. Sepanjang perjalanan aku dan Hakimi tidak banyak berbual. Setelah berjalan hampir 15 minit, dan telah melalui hadapan rumahku akhirnya kami tiba di rumah Evelyn.

(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 27 menjelaskan watak Hakimi yang meminta izin untuk keluar bersama Arey daripada Pak Cik Sasran dan Mak Cik Sabriana. Izin dan restu dari ibu bapa amat penting dalam kehidupan agar kehidupan yang ditempuhi diberkati sentiasa. Setiap insan yang bergelar anak diwajibkan menghormati, menjaga tutur kata dan menjaga tata tertib terhadap mereka. Kedua ibu bapa merupakan individu yang terpenting dalam melahirkan dan membesarkan anak menjadi insan yang berguna buat agama, bangsa dan negara. Pengorbanan ibu bapa dapat dilihat apabila sanggup mengorbankan masa, harta dan tenaga untuk melihat anak-anak tumbuh dengan baik. Adalah tidak wajar jika seorang anak membelakangi ibu bapa dalam setiap hal dan melakukan sesuatu perkara tanpa meminta izin dan restu mereka. Kasih sayang yang dicurahkan oleh individu yang bergelar ibu bagaikan air sungai yang terus mengalir tanpa hentinya. Jelaslah petikan diatas, menerusi teori Pengkaedahan Melayu amat bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan iaitu sebagai kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

#### 4.2.10 Citra Masyarakat Bertanggungjawab

Menurut *Kamus Dewan* (2015) bertanggungjawab membawa maksud mempunyai kewajiban terhadap sesuatu hal. Bertanggungjawab merupakan satu sifat mulia yang perlu diterapkan dalam diri setiap insan agar keharmonian hidup kekal terpelihara. Malah sifat bertanggungjawab mampu melahirkan generasi yang peka dan cakna terhadap masyarakat sekeliling. Menurut Siti Khairiah Mohd Zubir (2015:126), tanggungjawab merupakan amanat yang seharusnya dipikul oleh manusia diatas kewajiban iaitu kewajiban terhadap diri sendiri, keluarga atau masyarakat dan terhadap alam sekitar. Dughaym (1992: 213) mengelaskan tanggungjawab kepada tiga aspek iaitu aspek perbuatan yang menggunakan tenaga agar menghasilkan sesuatu perkara yang

benar, aspek kehendak merujuk kepada perkara yang disukai dan aspek perbuatan menilai sesuatu berdasarkan perkara yang sah. Tanggungjawab seseorang insan menurut Islam adalah tanggungjawab kepada Allah SWT dan Rasullulah SAW. Zainal Abidin (1997: 1601) mendefinisikan tanggungjawab merupakan kesanggupan memikul peranan dengan jayanya yang telah dianugerahkan. Tanggungjawab seharusnya diterima dengan tenang hati agar sesuatu perkara dilakukan dengan mudah dan dapat dijayakan. Jelaslah bahawa dengan menekankan aspek tanggungjawab merupakan proses sebagai pembentukan jati diri muslim yang sejati dan ke arah berkepimpinan.

Citra masyarakat bertanggungjawab dapat dilihat menerusi novel *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani melalui watak seorang ibu yang bertanggungjawab mendidik dan membesarkan anak walaupun rintangan yang besar terpaksa dihadapi. Setiap individu mempunyai peranan kepada orang tua. Kewajipan orang tua dalam mencorakkan kehidupan yang lebih baik buat anak-anak kerana ibu bapa merupakan tunjang dalam pembentukan sahsiah diri anak-anak. Pendidikan yang sewajarnya haruslah diberikan kepada anak-anak agar sahsiah diri anak-anak berada pada tahap yang terbaik.

Petikan 28

“Susah...dua-dua keras kepala! Ibu harap janganlah kamu mengulangi kesilapan kami ini. Sebagai ibu bapa...tanggungjawab kami menjaga anak-anak. Biarpun terkorban harta atau nyawa...anak itu harta yang tidak ternilai.

(Faizal Jailani, 2019)

Petikan 28 menjelaskan tanggungjawab Puan Ramlah dalam membesarkan anaknya Arey begitu besar dan akan memenuhi setiap tanggungjawab itu walaupun terpaksa berkorban harta ataupun nyawa. Puan Ramlah amat menyayangi Arey dan adiknya Hadhri bagaikan menatang minyak yang penuh. Maka tidak hairanlah Puan

Ramlah amat sayang akan anak-anaknya dan tidak mahu berpisah dengan mereka. Harapan Puan Ramlah agar anak-anak yang telah diberi didikan yang secukupnya dan dibesarkan dengan penuh kasih sayang mampu menabur bakti serta berjasa terhadap semua lapisan masyarakat. Jelaslah bahawa menerusi pendekatan yang diketengahkan mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.

Seterusnya, citra masyarakat bertanggungjawab turut ditemukan menerusi novel *Bening Mata Seorang Dia* karya Sunita Sahidin melalui watak seorang perempuan yang bertanggungjawab terhadap agama Islam. Tanggungjawab terhadap Islam perlu dipegang teguh agar tidak terpesong akidah dan akan mengikuti syarak Islam yang telah ditetapkan. Hal ini bertepatan dengan manusia sebagai khalifah dan sewajarnya menekankan sikap kepimpinan di dalam kehidupan bermasyarakat untuk membentuk akhlak yang baik dan terpuji.

Petikan 29

Aku menggeleng. Sudah enam lebih dan aku masih belum menunaikan solat asar. Tapi rasanya masih sempat solat di rumah. Itu pun kalau bas bernombor 54 masih menunggu kami untuk pulang sebelum jam tujuh.

(Adnie Bahiah, 2019)

Petikan 29 menjelaskan tanggungjawab sebagai umat Islam yang taat akan perintah Allah. Sifat tanggungjawab dalam menjaga hubungan dengan Allah amat dititikberatkan melalui watak Azie. Hal ini bertepatan dengan manusia yang bersifat lemah dan sentiasa menjadi lupa diri bahawa manusia hanya hamba sahaja. Setiap hamba mestilah menyembah Allah yang telah menciptakan manusia dengan sebaik-baiknya. Solat sememangnya menjadi pengikat untuk hamba mendekati diri kepada penciptanya. Azie yang telah terlewat untuk menunaikan solat asar tetap bersungguh-sungguh untuk menunaikannya kerana ia merupakan tanggungjawab dirinya kepada



Allah. Jelaslah bahawa solat didalam Islam sebenarnya memberikan satu wadah di dalam menjadikan mukmin yang sejati.

Selain itu, citra masyarakat bertanggungjawab turut diperlihatkan menerusi novel *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin melalui watak seorang anak yang bertanggungjawab terhadap ibunya. Tanggungjawab seorang insan yang bergelar anak adalah berbelas ihsan kepada mereka. Seorang anak haruslah membantu kedua ibu bapa semampu mungkin kerana ianya merupakan tanggungjawab hakiki buat anak. Hal ini berdasarkan sabda Rasullulah SAW: “Sesungguhnya sebaik-baik apa yang dimakan oleh seseorang adalah berasal daripada usahanya dan sesungguhnya anak seseorang adalah berasal daripada usahanya”(Riwayat al-Nasa’ie:4449).

Petikan 30

‘Kasihlah ibu. Bagaimana lagi caranya agar aku dapat membantu meringankan beban ibu? Keluhku dalam hati, kesal.


(Sunita Sahidin, 2019)

Petikan 30 menjelaskan watak Arey yang bertanggungjawab membantu ibunya untuk kehidupan yang lebih baik. Arey berasa kasihan akan nasib ibunya yang terpaksa membanting tulang untuk mencari sesuap nasi buat keluarganya. Miah telah ditinggalkan oleh suaminya Haizan selepas berlaku pertelingkahan yang hebat. Miah mendesak Haizan untuk berhenti dari mengambil dadah namun tidak diendahkan oleh Haizan. Arey sebagai anak sulung merasakan tanggungjawab dirinya untuk meringankan beban yang telah lama Miah tanggung sendiri. Jelaslah bahawa ibu bapa merupakan anugerah yang cukup berharga dalam kehidupan kekeluargaan. Sebagai seorang anak haruslah menjaga kedua ibu bapa dan memberi khidmat yang terbaik selama mereka masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia dengan sentiasa mendoakan akan


kesejahteraan mereka di alam baqa. Jelaslah bahawa menerusi pendekatan yang diketengahkan mampu dijadikan kayu ukur untuk menganalisis cerminan kehidupan seharian masyarakat.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

### 4.3 Penutup

Secara keseluruhannya, dapat disimpulkan bahawa novel-novel remaja yang terdapat di Malaysia sememangnya kaya dengan citra masyarakat menerusi Pendekatan Kemasyarakatan. Pengarang lebih menitikberatkan mengenai perlakuan budi bahasa, budi pekerti dan budaya untuk saling menghormati antara satu sama lain. Melalui pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu dalam novel mengukuhkan lagi unsur-unsur citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam novel-novel remaja terpilih. Berdasarkan kajian yang telah dikenalpasti, dianalisis dan dirumuskan oleh pengkaji ini jelas menunjukkan bahawa citra masyarakat dalam karya sastera amat penting dalam mempengaruhi para pembaca. Melalui kajian ini, pengkaji ingin mengetengahkan mengenai citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih.

Seterusnya, pengkaji juga menggunakan satu teori bagi membantu menyelesaikan kajian ini. Pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang dipelopori oleh Hashim Awang pada tahun 1989 bagi menyokong idea-idea dan pengisian mengenai kajian yang dilakukan. Melalui teori ini, pengkaji menggunakan Teori Pengkaedahan Keagamaan iaitu dengan menggunakan Pendekatan Kemasyarakatan. Pendekatan ini dipilih oleh pengkaji kerana ia bersesuaian dengan tajuk citra masyarakat yang terdapat dalam novel. Ketepatan pengkaji dalam memilih Teori Pengkaedahan Melayu ini adalah untuk memurnikan dan mengukuhkan perjalanan budaya sastera terus dinamik supaya karya sastera terus utuh dan tidak ketinggalan zaman.

Tuntasnya, usaha dalam pengkajian tentang citra masyarakat ini perlu diberikan perhatian dan diperjuangkan semaksima mungkin yang untuk memantapkannya. Hal ini kerana ia merupakan kayu ukur dan juga panduan bagi rujukan terhadap individu,

kelompok serta institusi tertentu yang membabitkan kepentingan dalam penciptaan serta pemilihan teks yang relevan. Oleh hal yang demikian, kajian mengenai citra masyarakat perlu dipergiatkan bagi tujuan memperelokkan karya sastera untuk diwariskan kepada generasi yang mendatang.



## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.1 Pengenalan

Kajian kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih adalah satu kajian analisis deskriptif dalam bentuk kajian teks, ditinjau dari perspektif Pendekatan Kemasyarakatan yang berteraskan teori yang dipelopori oleh Hashim Awang, iaitu Teori Pengkaedahan Melayu. Rumusan kajian meliputi analisis citra masyarakat yang terkandung dalam setiap novel remaja pilihan secara terperinci. Perbincangan hasil analisis adalah dikaitkan dengan persoalan kajian, iaitu untuk mencungkil kedinamikan citra masyarakat yang terkandung di dalam novel-novel remaja terpilih dan seterusnya merungkai nilai-nilai dan amalan baik masyarakat Melayu.

Dalam bab terakhir kajian ini, pengkaji akan membuat rumusan terhadap perbincangan yang terkandung dalam bab-bab sebelumnya. Di antara aspek penting yang hendak dikemukakan dalam bab ini ialah rumusan kajian dan implikasi kajian. Di akhir bab, pengkaji turut mengemukakan cadangan kajian dan menarik satu kesimpulan yang menyeluruh tentang kajian ini.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## 5.2 Rumusan

Hasil penganalisisan teks (novel *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang*) telah menunjukkan bahawa citra masyarakat yang terkandung dalam novel-novel remaja terpilih ialah berkasih sayang, sabar, prihatin, pembersih, berani, beradab, bersyukur, baik hati, taat, dan bertanggungjawab. Citra masyarakat yang terkandung dalam setiap novel pilihan ini penting untuk diterapkan dalam sanubari setiap remaja Malaysia untuk mengekalkan identiti diri masyarakat Malaysia terutama para remaja dalam menempuh era millennium yang sarat dengan cabaran globalisasi.

Citra masyarakat yang baik dalam novel-novel remaja dapat membentuk sahsiah positif dalam kalangan remaja. Hal ini dikatakan demikian kerana semua citra masyarakat yang berjaya dikenalpasti dalam novel-novel *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang* mementingkan kebaikan dan melarang kemudaran. Hal ini pastinya dapat membentuk jati diri pembaca (fokus golongan remaja) supaya berakhlak mulia sebagaimana yang dihidupkan oleh watak-watak dalam novel tersebut.

Setiap individu yang menghayati dan mendalami ajaran agamanya, akan lebih menghargai nilai kasih sayang. Mereka pastinya akan sentiasa bertolak ansur dengan orang lain dalam persekitaran dan pastinya tidak lokek untuk menjadi pencetus kasih sayang dalam kalangan masyarakatnya. Perasaan kasih sayang adalah bersifat menyeluruh dalam diri seseorang sekiranya berjaya dipupuk. Citra masyarakat berkasih sayang merupakan bekal bagi setiap ahli masyarakat untuk hidup dalam kelompok masing-masing dengan berkongsi rasa menghormati, mengasihi, bersahabat, memupuk amalan yang mulia menerusi persahabatan yang dipenuhi rasa kasih sayang yang membuak. Hikmah berkasih sayang inilah yang seterusnya membina citra sabar, prihatin,

pembersih, berani, beradab, bersyukur, baik hati, taat, dan bertanggungjawab yang ingin diutarakan dalam karya remaja.

Citra masyarakat yang berkasih sayang, sabar, prihatin, pembersih, berani, beradab, bersyukur, baik hati, taat, dan bertanggungjawab adalah selari dengan nilai-nilai yang diketengahkan dalam Teori Pengkaedahan Melayu yang bertitik tolak kepada kenyataan hidup dan agama, bangsa Melayu serta sifat penciptaanNya. Pendekatan Kemasyarakatan yang berlandaskan interaksi antara alam dan masyarakat melambangkan jati diri bangsa Melayu. Wadah dan warisan budaya bangsa turut berjaya diketengahkan dalam novel-novel remaja terpilih.

### 5.3 Implikasi Kajian

Kajian novel-novel remaja yang berteraskan tema citra masyarakat sesungguhnya mendekati pengkaji kepada realiti kehidupan sebenar masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu melalui kaedah pengkaryaan naratif yang menarik dalam satu cabang ilmu kesusasteraan. Hal ini dikatakan demikian kerana, pengkaji dapat melihat dengan lebih dekat ketelitian dan ketekunan para penulis novel-novel remaja terpilih menyusun kata demi kata untuk menghidupkan watak-watak bagi menyampaikan dan menerangkan mesej tentang citra masyarakat yang perlu diterapkan kepada golongan remaja yang bersesuaian dengan nilai agama, keperluan bermasyarakat dan memenuhi kehendak negara.

Kedinamikan citra masyarakat penting dalam semua aspek kehidupan bermasyarakat. Fungsinya berkait rapat dengan unsur pembentukan ketamadunan manusia. Kajian ini menjadikan novel-novel remaja terpilih sebagai batu loncatan untuk mengetengahkan nilai-nilai ideal yang perlu ada dalam kontak pemikiran golongan remaja. Bagi menjawab persoalan ini, pengkaji telah menemukan citra masyarakat yang ingin disampaikan dalam novel-novel remaja adalah nilai berkasih sayang, sabar, prihatin, pembersih, berani, beradab, bersyukur, baik hati, taat, dan bertanggungjawab.


Dari segi pengaplikasian Pendekatan Kemasyarakatan dalam Teori Pengkaedahan Melayu di bawah unsur keagamaan, dapatan kajian bersesuaian dengan citra masyarakat yang diketemukan oleh pengkaji dalam novel-novel remaja terpilih. Ketepatan pengkaji dalam memilih Teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini dapat meluruskan, memurnikan dan mengukuhkan perjalanan budaya sastera agar terus




dinamik. Pendekatan Kemasyarakatan dapat dilihat dengan jelas wujud dan diterapkan dengan baik oleh Faizal Jailani dalam *Atukku Pejuang*, Adnie Bahiah dalam *Bening Mata Seorang Dia* dan Sunita Sahidin dalam novel *Melakar Sinar* karya.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

#### 5.4 Cadangan

Pada pendapat pengkaji, untuk menjalankan kajian teks yang melibatkan aplikasi teori dengan pendekatan tertentu, pemilihan teks merupakan perkara yang mesti diutamakan. Dicadangkan agar pengkaji yang akan datang, memilih teks yang berbeza dari segi aliran pemikiran. Misalnya, memilih novel-novel remaja daripada penulisan yang bercorak atau bertemakan semangat patriotisme, keagamaan dan kemanusiaan. Dengan berbuat demikian, mungkin dapatan kajian lebih pelbagai dari segi nilai atau citra masyarakat yang ingin disampaikan kepada golongan pembaca. Kepelbagaian citra dalam novel-novel dalam pasaran pasti membuka lembaran baharu dalam peningkatan fungsi novel sebagai medium pembentuk moraliti dan pribadi masyarakat.

Dalam aspek analisis kedinamikan citra masyarakat pula, pengkaji ingin mencadangkan agar kajian yang akan datang hanya berfokuskan kepada citra masyarakat pilihan yang telah ditetapkan lebih awal oleh pengkaji. Pengkaji mungkin hanya perlu fokus kepada satu atau dua citra masyarakat sebagai batasan kajian. Hal ini berikutan daripada penemuan pengkaji yang menunjukkan bahawa analisis ke atas ketiga-tiga novel remaja yang dipilih sebagai teks kajian menyajikan citra masyarakat yang sama walaupun hasil penulisan tiga orang penulis berbakat yang berbeza identiti. Dengan berbuat demikian, kajian pengkaji mungkin boleh ditingkatkan dari segi bilangan novel-novel yang dikaji dan perbandingan boleh dibuat dalam aspek keberkesanan penerapan citra masyarakat.

Citra masyarakat berkasih sayang boleh dikembangkan menjadi satu kajian citra kemasyarakatan dalam kajian novel-novel tempatan. Saranan ini dirasakan wajar dikemukakan oleh pengkaji kerana agama Islam yang menjadi intipati kepada Teori

Pengkaedahan Melayu melalui Pendekatan Keagamaan juga turut menekankan usaha-usaha mewujudkan masyarakat penyayang. Dalam pelbagai strategi bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, hidup dalam suasana yang hormoni, apatah lagi dalam iklim masyarakat Malaysia yang dinamik, aspek-aspek asas yang menjadi dasar pembentukan masyarakat perlu ditekankan. Pengkaji amat yakin, untuk melahirkan masyarakat penyayang apabila menjaga hubungan dengan Allah, menjaga perasaan manusia yang lain serta menjaga perhubungan dengan alam. Oleh itu, usaha mesti dimulakan dengan pembentukan golongan remaja yang jiwa mereka penuh dengan citra berkasih sayang walaupun melalui novel-novel remaja.

## 5.5 Penutup

Kesimpulannya, menerusi kajian ini juga pengkaji mampu menyimpulkan bahawa karya yang dihasilkan oleh tiga pengarang novel remaja terpilih mempunyai citra masyarakat yang murni untuk disampaikan kepada pembaca sekaligus mengubah gaya pemikiran masyarakat, khususnya golongan remaja ke arah yang lebih baik.

Sesungguhnya, kajian ini mampu membuktikan bahawa novel-novel remaja dalam kajian ini, iaitu *Bening Mata Seorang Dia*, *Melakar Sinar* dan *Atukku Pejuang* layak dijadikan sebagai bahan bacaan yang berguna kepada semua lapisan masyarakat dalam membentuk nilai-nilai murni dalam diri dan masyarakat. Selain daripada itu, novel-novel ini juga boleh dijadikan bahan kajian seterusnya oleh para ilmuan sastera bagi mengembangkan bidang kesusasteraan negara.

## Biodata Pengkaji



Farhan atau nama sebenar Muhammad Izzat Farhan Bin Mohamad Asri, adalah pelajar sepenuh masa Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Warisan, Universiti Malaysia Kelantan. Berusia 23 tahun dan dibesarkan di Kampung Tempoyak Bekelam, 16070, Bachok, Kelantan. Pengkaji merupakan anak ke-3 daripada 4 orang adik beradik. Bapa bernama Mohamad Asri Bin Semail berusia 57 tahun dan berkerja sebagai pembantu tadbir sekolah. Manakala ibu bernama Noraini Binti Zakaria berusia 55 tahun, seorang suri rumah sepenuh masa.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## RUJUKAN

- Abdul Majid & Dian Andayani. (2011). *Pendidikan Karakter Perspektif Islam*, Bandung: PT Remaja Rosdakarya.
- Abdullah Nasih Ulwan. (2002). *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*. Jakarta
- Achmad Mubarak. (2001). *Psikologi Qur'ani*. Pustaka Firdaus, Jakarta.
- Adilah Hj Jusoh. (2015). *Citra Busana Dalam Naskah Melayu Syair Agung*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Adnie Bahiah. (2019). *Bening Mata Seorang Dia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Jauzzy, Ibnu Qayyim. (2003). *Madarijus Salikin, Pendakian Menuju Allah: Penjabaran Konkrit: Iyyaka Na'budu wa Iyyaka Nasta'in*. Terj. Kathur Suhardi. Jakarta: Pustaka al-Kautsar.
- Aminuddin Saimon. (2015). *Leksis Gender Dalam Novel Terpilih A.Samad Said*. Tesis Ijazah Master Sastera. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Asmah Bee Mohd. Noor & Iran Herman. (1995). *Membina Kesejahteraan Remaja*. Bandar Baru Bangi: Penerbit Teknik Edar.
- Che Abdullah Che Ya. (2018). *Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu dalam Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Jurnal Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chong Ah Fok. (2018). *Prinsip dan Konsep Moral Alamiah dalam novel S.A.B.A*. Jurnal Melayu 31(2), 311-331. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dughaym, Samih. (1992). *Falsafah al-Qadr fi Fikr al-Mu'tazilah*. Bayrut: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- Fadzil Yusoff. (2017). *Pemaknaan Kosmologi Biotik dalam Kumpulan Puisi Salasilah Karya Zurinah Hassan Dari Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Faizal Jailani. (2019). *Atukku Pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fauzi Hasan, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali & Madiawati Mamat@Mustaffa. (2017). *Kritikan Sosial Dalam Novel-novel Terpilih karya Faisal Tehrani*. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

- Faziela Abu Bakar@Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2016). *Unsur Konflik dalam Novel Remaja Terpilih*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* Vol. 6, Bil. 1, Universiti Putra Malaysia.
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2014). *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja Di Malaysia*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Halis Azhan Mohd.Hanafiah. (2002). *Novel-Novel Zailiani Taslim: Analisis Kehendak Remaja*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Hall, G. E. & Hord, S. M. (2011). *Implementing change: pattern, principles and potholes*. 3rd Edition. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education, Inc.
- Hashim Awang. (1988). *Kritikan dan kesusasteraan: Teori dan penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. (1989). *Kajian sastera: Suatu pendekatan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Sastera, Mei.
- Hashim Awang. (1993). *Pengkaedahan Melayu dalam kajian dan kritikan kesusasteraan tanah air*. *Dewan Sastera*, Januari: 52-56.
- Hashim Awang. (1999). *Teori sastera sendiri: Pengkaedahan Melayu*. Kertas kerja dalam Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 6-8 Disember 1999.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya*. Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, Melaka pada 28-29 Jun.
- Hashim Awang. (2002). *Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsipnya* dibentangkan dalam Bengkel Teori Sastera, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur di Riviera Bay Resort, dari 28-29 Jun.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Idris, N.A. & Noor, M.A. (2013) *Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal dan Haram Produk Melalui Pembantuan Indeks*. Prosiding PERKEM. Johor Bharu 7-9 Jun 2013.
- Imam al-Nawawi. (1983). *"Riyad al-Salihin."* Beirut: Dar al-Fikr al-Mucasir.

- Jauhari, Muhammad Rabbi Muhammad. (2006). *Keistimewaan Akhlak Islami*, terj. Dadang Sobar Ali, Pustaka Setia, Bandung.
- Johari Yahya. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Jumali Hj. Selamat & Che Abdullah Che Ya. (2010). *Analisis Teks Cucu Tuk Wali*. *Jurnal Personalia Pelajar*. Volume 12, 2009, pages 19 to 36, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia.
- Jumali Hj. Selamat. (2001). *Cerminan Sosial dan Nilai Murni dalam Novel-Novel Remaja*. Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Jumali HJ. Selamat. (2009). *Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Menjaras Ribus Menerusi Pendekatan Dakwah*. *Jurnal Personalia Pelajar*, Pusat Perkembangan Pelajar, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jumali Hj. Selamat. (2012). *Analisis Nilai Murni dalam Seteguh Karang*. Pusat Akreditasi Pembelajaran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamariah Kamarudin. (2017). Mau'izah Remaja dalam Novel *Satu Bulan Tiga Bintang* Karya Ummu Hani Abu Hassan. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali ke-2 (PASAK 2017), 26-27 Apr. 2017, Pusat Konvensyen Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Kamus Dewan* (2007), Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Azhar Meerangani. (2018). 'Kepentingan Penjagaan Alam Sekitar Menurut Perspektif Maqasid Syariah' *Jurnal Isu-Isu Semasa Islam & Sains*. Hlm. 557. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- M.E. McCullough, R.A. Emmons & Jo-Ann Tsang. (2002). The Grateful Disposition: A Conceptual and Empirical Topography. *Journal of personality and Social Psychology*. Vol. 82. No. 1, hlm. 112-127.
- M.K. Sheldon & Lyubomirsky Sonja. (2006). "How To Increase And Sustain Positive Emotion: The Effects Of Expressing Gratitude And Visualizing Best Possible Selves". *The Journal of Positive Psychology*.
- Martin E.P. Seligman. (2005). *Authentic Happiness: Menciptakan Kebahagiaan dengan Psikologi Positif*. Bandung: PT Mizan Pustaka.
- Mohd Azhar Su. (2005). *Gaya Bahasa dalam Novel Remaja Khairuddin Ayip*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.



- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2014). *Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai Murni*. *Journal of Business and Social Development*. 2 (2), 74-85.
- Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim. (2016). *Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Salleh Lebar. (1994). *Asas Perkembangan Psikologi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributers.
- Mohd. Zariat Abdul Rani. (2013). *Materialisme, Islami dan Nilai Kesasteraan: Satu Penelitian Terhadap Novel-novel Popular Islami Terbitan PTS Sdn. Bhd.* Berdasarkan Persuratan Baru. Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Institut Pendidikan Nasional, Universiti Teknologi Nanyang.
- Mohmadisa Hashim, Mohamad Suhaily Yusri Che Ngah & Nasir Nayan. (2012). *Perubahan Persekitaran Pelbagai Perspektif dan Masalahnya*. Perak: UPSI.
- Nor Hasimah Ismail, Marzalina Mansor & Melor Fauzita Md. Yusoff. (2017). *Konflik Wanita dalam Drama Popular yang Diadaptasi daripada Novel*. *Journal of Human Development and Communication Volume 6*, 2017 (225-238).
- Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. (2016). *Padi sebagai Tanda dalam Peribahasa Melayu*. *Jurnal Melayu*, 15(1), 26-49.
- Norita Ariffin. (2006). *Nilai-nilai Budi Masyarakat Melayu dalam Pantun*. Projek Akhir Ijazah Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nur Farahkhanna Mohd Rusli. (2015). *Konflik Kejiwaan dalam Novel Interlok karya Abdullah Hussain (1996)*. *International Journal of the Malay World and Civilization*. (2015: 59-66)
- Nurhamizah Hashim. (2015). *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

- Nursham Abdul Aziz. (2015). *Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Pg. Haji Yakup Pg. Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan. (2018). *Sajak-sajak Badaruddin H.O. Bertemakan Ketuhanan: Analisis Pendekatan Dakwah*. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 29*.
- Ramli Isin. (1989). *Berkenalan Dengan Novel*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Rohana Othman, Rosta Harun, Azizi Muda & Ismi Arif Ismail. (2013). 'Kesan Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Alam Sekitar Melalui Aktiviti Melukis Mural Untuk Meningkatkan Pengetahuan Dan Kesedaran Pelajar Sekolah Menengah Terhadap Alam Sekitar'. *Asia Pacific Journal of Educators and Education, Vol.28*.
- Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhoven. (2016). *Alam Dan Budaya Masyarakat Melayu Dalam Hikayat Pelanduk Jenaka*. *Jurnal Kesidang, Jilid 1, 20-49*.
- Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2019). *Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih meneliti unsur sains dan sastera yang terdapat dalam novel remaja terpilih*. *Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 10, 166-182*.
- Sahlan Mohd. Saman. (2008). *Pengkaedahan Melayu-Islam dalam kritikan sastera*. *Jurnal Melayu, 3. pp. 77-99*.
- Seow Hooi Lee & Lin Chia Ying. (2019). Nilai Murni dalam Watak Utama Novel Kanak-Kanak Xu You Bin. *Journal of Language, Communication, and Humanities Vol, 2 (1)*.
- Siti Khairiah Mohd Zubir. (2015), Pembangunan Sahsiah Belia dan Teori SPB4K dalam Novel Nisah Haron. *Jurnal Melayu*. Bil 14 (1).
- Siti Khariah M. Zubir. (2012). *Analisis Citra Usahawan Wanita dalam Novel-Novel Melayu*. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan, 4(2), 44-55*.
- Siti Khariah Mohd Zubir & Nur Denna Binti Samsudin. (2016). *Analisis Watak dan Perwatakan dalam Novel Sejambak Bakti karya Rejab FI*. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, Malaysia.
- Siti Murni Mohd. Abdul Hamid. (2011). *Imej Manusia dalam Kumpulan Puisi Salasilah Zurinah Hassan*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif dan Analisis Temu Bual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
- Sunita Sahidin. (2019). *Melakar Sinar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaidul Azam Kamarudin. (2011). *Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Pilihan A. Aziz Deraman*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan. (1992). *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain & Hashim Ismail. (2015). *Komponen Kesedaran Peribadi Dalam Novel Remaja Terpilih*. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 26.
- Wan Norlidza Wan Mohd Zain. (2015). *Kecerdasan Emosi Dalam Novel Remaja*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizan Jamian & Zubir Idris. (2017). *Komunikasi Bukan Lisan: Alamat Kedutan (Denyutan) Berdasarkan Mujarobat*. *Jurnal Melayu Isu Khas 2017*, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zainal Abidin Safarwan. (1997). *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors.
- Zainuddin Ali. (2011). *Pendidikan Agama Islam*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Zaitun Hasan. (2015). *Manifestasi Citra Alam dalam Novel Ombak Bukan Penghalang: Suatu Penelitian Firasat Melayu*. Sarjana Sastera Pengajian Bahasa Melayu Kontemporari, Universiti Utara Malaysia.
- Zunaidah Daud. (2014). *Kata Nasihat dan Pengajaran dalam Antologi Gurindam karya Mas Adeki dari Sudut Pengkaedahan Melayu*. Sekolah Pengajian Siswazah, Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.